

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA
HAJA MOHIDEEN BIN OSM MOHD SHARIFF,
PEMBUAT SONGKOK TERSOHOR DI PULAU PINANG
MENGENAI SEJARAH WARISAN SONGKOK

NAMA PELAJAR: NUR ZULAIKHA BINTI AZMI
(2020968749)

NAMA PELAJAR: NURUL AINA BINTI AHMAD SHUKRI
(2020980233)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2021 - JULAI 2021

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN		M/S
Roman	Abstrak	1
Numberals	Penghargaan	2
	Senarai Abreviasi	3
	Senarai Singkatan	4
	Rujukan Kata	5-7
1.0	Biodata Penemubual	8
	1.1 Penemubual Pertama	9
	1.2 Penemubual Kedua	10
2.0	Biodata Tokoh	11
	2.1 Biodata Tokoh	12
	2.2 Pengenalan kepada Tokoh	13
3.0	Sejarah Lisan	14
	3.1 Pengenalan	15
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	16
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	17
4.0	Kajian Literatur	18
	4.1 Topik 1	19-22
	4.2 Topik 2	22-24
5.0	Transkrip Temu bual Bersama Tokoh	25-120
6.0	Log Temu bual	121-124
7.0	Ralat	125-126
8.0	Glosari	127-129
9.0	Indeks	130-134
10.0	Bibliografi	135-137
11.0	Lampiran	138
	11.1 Biografi Tokoh	139
	11.2 Surat Perjanjian	140
	11.3 Senarai Soalan	141-149
	11.4 Diari Penyelidikan	150-153
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	154-156

i. ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan mengenai pengalaman seorang tokoh yang mewarisi bidang songkok turun-temurun dan dikenali sebagai pembuat songkok tersohor di Pulau Pinang. Beliau mula menceburi bidang ini sewaktu berusia seawal 12 tahun dan masih meneruskan warisan daripada bapanya sehingga kini. Pada zaman kini, seperti yang dapat dilihat warisan songkok ini semakin terkubur dek kerana kurangnya pendedahan mengenai bidang ini. Oleh sebab itu, kajian sejarah lisan adalah salah satu alternatif untuk mendalami dan merungkai keistimewaan tentang songkok buatan tangan ini. Menerusi proses temu bual bersama tokoh, kami dapat mengetahui simbolik utama tentang pemakaian songkok iaitu ianya membawa imej sebagai seorang umat Islam. Kajian ini juga turut menumpukan perhatian kepada latar belakang peribadi, pendidikan, asal usul sejarah songkok, penganugerahan, pengalaman dan juga cabaran yang dihadapi oleh tokoh untuk meneruskan bidang ini. Melalui temu bual ini, pelbagai input telah kami perolehi bagi tujuan menghasilkan transkrip dan menerbitkannya di dalam arkib UiTM. Akhir kata, kami berharap agar kajian ini dapat membantu dalam mendedahkan sejarah hidup tokoh ini dalam usaha untuk meneruskan warisan songkok turun-temurun kepada masyarakat dan negara.

Kata kunci: Sejarah lisan, warisan songkok, tokoh, arkib UiTM, Pulau Pinang.

This transcript discusses the experience of a figure who inherited the field of songkok from generation to generation and is known as a famous songkok maker in Penang. He started this field when he was 12 years old and continues the legacy from his father until this day. Nowadays, as can be seen, the heritage of this songkok increasingly buried due to lack of exposure to this field. Therefore, this study of oral history is one of the alternatives to deepen and unravel the specialties of this handmade songkok. Through the interview process with this figure, we were able to find out the central symbolism of wearing the songkok, which is that it brings the image as a Muslim. This study also focuses on the personal background, education, historical origins of songkok, awards, experiences, and the challenges the figures face to pursue this field. Through these interviews, we have obtained various inputs to produce transcripts and publish them in the UiTM archives. Finally, we hope that this study can help reveal the life history of this figure to continue the legacy of songkok from generation to generation to the community and country.

Keyword: Oral history, songkok heritage, figures, UiTM archives, Penang.

ii. PENGHARGAAN

Pertama sekali syukur alhamdulillah kehadiran Illahi dengan izin kurniaannya kami dapat menyelesaikan segala tugas transkrip kami dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sehingga selesai.

Kami juga dengan rendah diri ingin merakamkan dan mengucapkan jutaan terima kasih sebagai penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek Oral Documentation, kod subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana telah memberikan tunjuk ajar dengan bimbingan sepenuhnya terhadap tugas ini. Melalui tunjuk ajar dan sokongan daripada beliau, kami telah dapat melaksanakan segala tugas kami dengan jayanya.

Di samping itu juga kami ingin memberikan penghargaan kepada Encik Haja Mohideen Bin OSM Mohd Shariff sebagai ucapan terima kasih kerana sudi ditemubual oleh kami dan telah bersetuju untuk menjadi tokoh sebagai rujukan tugas kami sekaligus berkongsi tentang pengalaman dan kisah kehidupan beliau dalam bidang pembuatan songkok. Tanpa kesudian dan kerjasama daripada beliau semestinya kami tidak mampu melaksanakan tugas ini dengan sebaik-baiknya.

Akhir kata tidak dilupakan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan, keluarga serta kedua ibu-bapa yang telah membantu kami dengan memberikan pelbagai kemudahan, nasihat serta tunjuk ajar dalam melaksanakan tugas ini.

Sekian, Terima Kasih.

iii. SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CPD	Continuous Professional Development
YB	Yang Berhormat
MC	Malaysia Certificate
COVID-19	Coronavirus Disease 2019
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
TV	Televisyen

vi. SENARAI SINGKATAN

HMS: Haja Mohideen Bin OSM Mohd Shariff

NAS: Nurul Aina Binti Ahmad Shukri

NZA: Nur Zulaikha Binti Azmi

v. RUJUKAN KATA

Aiq	Air
Aja	Sahaja
Ajaq	Ajar
Ayaq	Air
Bagian	Bahagian
Baguih	Bagus
Belah	Sebelah
Belajaq	Belajar
Berenti	Berhenti
Berjumpak	Berjumpa
Besa	Biasa
Betui	Betul
Boh	Letak
Bubuh	Letak
Buleh	Boleh
Dak	Tidak
Depa	Mereka
Diorang	Mereka
Ha	Ya
Hat	Yang
Ja	Sahaja
Jait	Jahit

Je	Sahaja
Jemuq	Jemur
Jugak	Juga
Kan	Bukan
Kapuq	Kapur
Kejab	Padat
Keluaq	Keluar
Ken	Kain
Kenai	Kenal
Lagipun	Walau bagaimanapun
Lagumana	Macam mana
Lebaq	Lebar
Lepas	Selepas
Lepastu	Selepas itu
Luaq	Luar
Mai	Datang
Meninggai	Meninggal
Mintak	Minta
Morah	Murah
Nak	Hendak
Nam	Enam
Nek	Naik
Ni	Ini
Pasai	Pasal

Jantan	Lelaki
Pasaipa	Sebab apa
Pi	Pergi
Ratuih	Ratus
Saja	Sahaja
Sampai	Sehingga
Sat	Sebentar
Sebijik	Sebiji
Songkak	Songkok
Sorang	Seorang
Stengah	Setengah
Takdak	Tidak ada
Taun	Tahun
Tidoq	Tidur
Tu	Itu
Ukuq	Ukur

BIODATA PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama



Nama:	Nurul Aina Binti Ahmad Shukri
Tarikh Lahir:	08/06/1999
Tempat Lahir:	Hospital Unversiti Sains Malaysia, Kelantan
Alamat:	No 15, Lorong Guar Perahu Indah 3, Taman Guar Perahu Indah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
No. Telefon:	011-17438645
Emel:	aynaeina99@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 Penemubual Kedua



Nama:	Nur Zulaikha Binti Azmi
Tarikh Lahir:	16/10/1999
Tempat Lahir:	Klinik Dr. Aisha, Sungai Petani, Kedah
Alamat:	No 1491, CheroK Tokkun Atas, Jalan Kampung Pisang, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
No. Telefon:	011-21417200
Emel:	zulaikha1699@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh



Nama:	Haja Mohideen Bin Mohd Shariff
Tarikh Lahir:	02/03/1948
Tempat Lahir:	India
Alamat:	157, Lebu King, George Town, 10200 George Town, Pulau Pinang
No. Telefon:	016-4310940
Profesion:	Membuat songkok
Bidang:	Warisan songkok

2.2 Pengenalan kepada tokoh

Tokoh yang dipilih dalam kajian ini ialah Haja Mohideen bin Mohd Shariff. Beliau kini berumur 73 tahun dan berasal dari Farlim, Pulau Pinang. Selain itu, beliau ialah anak ketiga daripada tujuh adik beradik dan berpengalaman dalam mewarisi kepakaran dalam menghasilkan songkok. Beliau kini dikenali sebagai seorang pembuat songkok tersohor di Pulau Pinang dan masih lagi bergiat aktif dalam mengusahakan perniagaan ini. Beliau berkahwin dengan isterinya dan dikurniakan dua orang cahaya mata.

Menurut rujukan daripada laman sesawang (Berita Kampus USM, 2015), mereka menyatakan bahawa kedai OSM Mohd Shariff ialah kedai pertama yang menjual songkok buatan tangan dan mempunyai ramai pelanggan dari Malaysia dan negara jiran termasuk Singapura. Dalam pada itu, Haja Mohideen juga turut dibantu oleh menantunya sendiri yang dikenali sebagai Abdul Kader Mydin. Mereka mempunyai dua buah mesin jahit jenis lama dan kebiasaannya mereka memerlukan hampir dua jam bagi menjahit satu songkok dan ini bergantung kepada permintaan pelanggan sama ada mahukan songkok jenis baldu atau sutera. Di samping itu, perniagaan songkok ini dijalankan di dalam sebuah kedai kecil yang disewa oleh ayahnya sejak dahulu lagi sewaktu mereka baru sahaja menceburi bidang ini. Kedai songkok ini berhampiran dengan Masjid Nagore, Jalan Little India, Pulau Pinang. Mereka telah menyewa kedai ini selama 40 tahun sewaktu ayahnya, Mohd Shariff masih hidup.

Kami telah memilih Haja Mohideen sebagai tokoh dalam kajian ini kerana beliau telah menerima penganugerahan dan pengiktirafan tertinggi daripada George Town World Heritage Incorporated, iaitu Anugerah Khazanah Warisan Pulau Pinang 2017. Selain itu, beliau juga turut berpengalaman dalam menghasilkan songkok buaatannya yang menjadi pilihan tokoh terkenal seperti Yang DiPertua Negeri, Kerabat Diraja, Tun Abdul Rahman Abbas dan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi serta ramai lagi. Berdasarkan penelitian di atas, dapat disimpulkan bahawa di sebalik kudrat seorang lelaki yang berusia 73 tahun tersimpan ‘tangan ajaib’ yang handal menjahit songkok secara tradisional yang terkenal di Pulau Pinang.

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Menurut (Ibrahim, 2009) sumber lisan ialah sumber yang didapati daripada pertuturan atau perkhabaran seseorang tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Sebagaimana sumber sejarah yang lain seperti sumber bertulis, sumber lisan juga boleh dikategorikan sebagai salah satu sumber sejarah yang penting dalam pensejarahan, khususnya pensejarahan Malaysia. Menurut (Har, 2014) seperti yang dipetik oleh Mohd Amin Hasan, pakar-pakar dalam bidang sejarah lisan yang bersidang pada tahun 1968 telah bersetuju untuk menerima definisi sejarah lisan secara umum sebagai “suatu metode untuk mendapat dan mengumpulkan sekumpulan keterangan sejarah di dalam bentuk lisan, biasanya di atas pita rakaman”.

Seperti yang kita ketahui, terdapat pelbagai sumber yang boleh dipercayai untuk memperolehi sesebuah maklumat. Seiring dengan perkembangan teknologi zaman kini, terdapat pelbagai cara untuk memperolehi sesebuah informasi yang sah dan tepat termasuklah kaedah sejarah lisan. Menurut laman sesawang Universiti Kebangsaan Malaysia (Sejarah Lisan, 2007) ia menyatakan bahawa sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Menurut (Pengenalan, n.d.) pendekatan sejarah lisan dalam penyelidikan sudah lama digunakan, malah Thucydides dan Herodotus telah menggunakan pendekatan ini di dalam penyelidikannya terutamanya bagi Thucydides yang telah menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat daripada tentera-tentera yang terlibat. Thucydides menyatakan adalah sukar untuk menyatakan kebenaran keseluruhan peristiwa kerana sebahagian saksi sukar untuk mengekalkan pengalaman tersebut. Sejarah lisan biasanya merujuk kepada metodologi bukan sebagai satu bentuk teori. Sejarah lisan adalah satu proses yang melibatkan orang menceritakan peristiwa dan pengumpul maklumat yang memperkatakan peristiwa yang lepas dan merujuk kepada ingatan seseorang terhadap peristiwa tersebut, kertas, surat, diari, gambar, dan sebagainya.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Untuk mendokumentasikan lebih banyak sumber sejarah warisan songkok ini supaya masyarakat lebih terdedah dengan warisan ini.
- Untuk memahami mengapa generasi masa kini tidak memilih songkok sebagai kelengkapan asas pemakaian mereka.
- Untuk mengkaji kepentingan penghayatan warisan kesenian songkok dalam generasi baharu.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Sejarah lisan adalah bidang pengajian dan kaedah mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan kenangan orang, masyarakat, dan peserta dalam peristiwa masa lalu. Sejarah lisan adalah kedua-dua jenis penyelidikan sejarah yang tertua, mendahului perkataan bertulis, dan salah satu yang paling moden, dimulakan dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan sekarang menggunakan teknologi digital abad ke-21 (Sejarah Lisan, 2020). Menurut (Kepentingan Sumber Lisan, 2013), sumber lisan ialah sumber yang didapati daripada pertuturan atau perkhabaran seseorang tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Sebagaimana sumber sejarah yang lain seperti sumber bertulis, sumber lisan juga boleh dikategorikan sebagai salah satu sumber sejarah yang penting dalam pensejarahan, khususnya pensejarahan Malaysia.

Menurut (Shima, 2019) peranan sejarah lisan amat penting untuk membina semula peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang. Ia amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis, untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan sejarah yang telah dicatitkan, untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan. Selain itu, ia juga berperanan dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar kedalam sesuatu masyarakat atau pun sebaliknya. Melalui sejarah lisan, orang yang ditemu bual mampu memberi pandangan baharu tentang peristiwa bersejarah. Ini dapat menjadi pencetus semangat masyarakat agar lebih menyedari sejarah mereka sendiri dan meransang minat dan penyelidikan tentang sejarah tempatan.

Di samping itu, sumber lisan juga amat penting kepada generasi baru, khasnya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan. Dengan adanya sumber lisan, generasi-generasi baru ini akan dapat mengenali dan mendalami peristiwa-peristiwa yang telah berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut. Kesimpulannya, sumber lisan mempunyai kepentingan kepada penulisan sejarah di Malaysia. Oleh itu, sumber lisan harus dipelihara agar tidak ditelan zaman.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Topik 1: Warisan

(Negara, 2016) mendefinisikan warisan sebagai sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan. Warisan kita adalah ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup, kepercayaan yang dijelmakan melalui objek budaya. Ia menggambarkan memori keseluruhan hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu masyarakat itu. Selain itu, warisan juga difahamkan sebagai perkara yang berkaitan dengan sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Ianya menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunannya (Malaysia, n.d.). Dalam pada itu, menurut sumber (Melayu, 2011) telah menerangkan definisi warisan sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Ini bermaksud setiap perlakuan atau kreativiti mereka perlu dimiliki dan diterima oleh setiap masyarakat tanpa mengenai generasi terdahulu. Ini juga disokong oleh definisi yang dikemukakan di dalam Akta 179 Harta Benda Purba (1976) yang menyatakan apa jua tinggalan turun temurun sama ada ia buatan atau semula jadi yang alih atau tidak alih dan yang nampak atau tidak nampak. Warisan ini dimaksudkan apa jua hasil yang perbuat terdahulu yang menjadi kegunaan masyarakat kini dan menjadi sebahagian alat kehidupan mereka dalam meneruskan kehidupan.

(Thnpanorama, n.d.) telah menyatakan bahawa warisan budaya adalah satu set unsur fizikal dan sifat tidak ketara yang mewakili orang atau masyarakat, yang telah diperolehi oleh warisan sosial nenek moyang. Warisan ini termasuk elemen budaya yang nyata yang diwakili dalam bangunan dan monumen, objek dan karya seni. Menurut (Culture in Development, 2013) warisan budaya adalah ungkapan cara hidup yang dikembangkan oleh komuniti dan diturunkan dari generasi ke generasi termasuk adat, amalan, tempat, objek, ekspresi dan nilai seni. Pada masa yang sama, warisan budaya sering dinyatakan sebagai warisan budaya tak ketara atau ketara. Sebagai sebahagian daripada aktiviti manusia, warisan budaya

menghasilkan gambaran nyata dari sistem nilai, kepercayaan, tradisi dan gaya hidup. Walau bagaimanapun, sebagai sebahagian penting dari budaya secara keseluruhan, warisan budaya mengandungi jejak-jejak yang kelihatan dan nyata ini wujud sejak zaman dahulu.

Seperti yang kita sedia maklum, warisan budaya terbahagi kepada dua kategori utama iaitu Warisan Ketara (Tangible Heritage) dan Warisan Tak Ketara (Intangible Heritage). Warisan Ketara adalah sesuatu yang kekal dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih. Ianya juga boleh dikategorikan seperti statik dan mudah alih. Statik membawa maksud kepada tapak tanah bersejarah, monumen, bangunan atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan. Bagi mudah alih pula, ia merupakan artifak-artifak bahan budaya yang boleh dipindahkan seperti artifak batu nisan, tekstil, ukiran kayu manik dan juga manuskrip. Selain itu, Warisan Tak Ketara adalah deskripsikan sebagai warisan tidak nyata di mana ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa & persuratan. Sebagai contoh yang boleh diambil adalah seni persembahan, seni tampak dan juga seni perubatan tradisional. (Malaysia, n.d.)

Nabila Nadzirah dan Athirah menyuarakan pendapat mereka bahawa terdapat pelbagai kepentingan dalam mengekalkan warisan budaya. Kepentingan yang pertama adalah untuk melambangkan identiti sesebuah negara. Amalan budaya tradisional kita melambangkan sifat majmuk masyarakat kita. Misalnya, keuikan pakaian tradisional pelbagai kaum yang pelbagai bentuk potongan dan cara pemakaian serta berwarna-warni. Selain itu, ia juga dapat mencerminkan budi pekerti masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, penghantaran kuih-muih dan saling mengunjungi pada hari kebesaran menunjukkan kemesraan sesama kaum. Inilah identiti Malaysia yang dikagumi oleh dunia luar dan identiti ini perlu dikekalkan. Pada masa yang sama, warisan budaya dapat mengekalkan kesinambungan tamadun apabila warisan budaya dikekalkan. Melalui budaya tradisional, kita dapat mengetahui asal usul kita. Sebaliknya, kita akan sedar tentang kesulitan hidup nenek moyang kita dan dari situ juga kita akan mendapat iktibar. Secara umumnya dapat kita lihat di sini bahawa dengan mengekalkan keharmonian warisan budaya, ia dapat memberi impak yang baik terhadap setiap individu, masyarakat dan negara. (Wahab, n.d.)

Menurut Sabzali Musa Kahn, Effendi Shamsuddin dan Nik Nairan Abdullah, seni warisan dan kreatif dirasakan amat penting untuk dijadikan sebahagian dari strategi bagi memupuk pembinaan bangsa terutama berteraskan ajaran islam ke arah persamaan, toleransi, dan persefahaman di kalangan masyarakat. Penulis juga mendapati seni warisan dan kreatif dalam mencapai gagasan satu ini mampu menjadi asas kepada pewujudan nilai-nilai jati diri, dan toleransi di kalangan masyarakat sebagai satu cabaran pembinaan bangsa. Apabila masyarakat memahami aspek yang berkaitan dengan seni warisan dan kreatif yang mereka miliki. Maka dengan sendirinya mereka akan berusaha membina satu ketamadunan yang tinggi nilainya sebagai satu kaedah pembinaan bangsa dan agama yang tinggi nilainya pada masa hadapan (Kahn et al., 2011).

Menurut kenyataan di dalam laman sesawang blogger mengenai warisan kesenian, penulis Nur Aini dan Suhaida dari Institut Perguruan Melaka (IPGM), mereka mendefinisikan tentang kepelbagaian kaum di Malaysia yang telah melahirkan beberapa warisan kesenian yang unik. Seterusnya, mereka juga menyatakan bahawa terdapat beberapa warisan kesenian di negara kita termasuklah dari segi muzik, drama, seni kraf, seni bina, seni tari dan juga seni mempertahankan diri.

Terdapat beberapa kepentingan dalam mengekalkan warisan kesenian di Malaysia. Antara yang dapat dilihat di dalam petikan yang disediakan oleh (Cho, n.d.), kepentingan yang pertama adalah perpaduan kaum. Di dalam bidang kesenian dapat menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negara kita. Sebagai contoh yang dapat diambil ialah setiap kaum turut menyertai dan bergiat aktif dengan cara mengambil bahagian dalam sesuatu persembahan kesenian. Oleh itu, setiap kaum dapat mengenali dan memahami bidang seni kaum lain. Mereka juga dapat berinteraksi dengan mesra antara satu sama lain. Seterusnya, antara kepentingan lain yang telah dirungkaikan adalah peluang kerjaya. Hal ini kerana bidang kesenian ini menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat. Antaranya adalah seperti pelakon, ahli muzik, pereka seni kraf dan jurulatih seni mempertahankan diri. Di samping itu, industri pelancongan juga adalah salah satu kepentingan dalam mengekalkan warisan kesenian. Hal ini disebabkan oleh terdapat kepelbagaian dan keunikan warisan kesenian yang menarik minat pelancongan tempatan dan luar negara untuk melancong ke negara inu. Contohnya kesenian kraf seperti batik, ukiran kayu, labu sayong, anyaman dan

songket. Tambahan lagi, pelancongan juga tertarik dengan warisan kesenian seperti makyong, wayang kulit, dikir barat dan ulik mayang. Sementara itu, hasil jualan barangan seni kraf dan bayaran persembahan seni tari turut memberikan pulangan pendapatan kepada para penggiat seni. Secara tuntas, dapat dilihat disini bahawa warisan kesenian adalah salah satu perkara yang turut menyumbang kepada tarikan pelancong luar untuk menerokai keunikan yang terdapat di negara Malaysia dan hal ini juga akan turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara Malaysia.

4.2 Topik 2: Songkok

(Wahsalfelah, n.d.) menyatakan definisi songkok yang juga dikenali sebagai kopiah merupakan salah satu jenis penutup kepala yang dipakai oleh lelaki yang telah diterima sebagai pakaian penutup upacara terutama di kalangan orang Melayu di Nusantara termasuk di Negara Brunei Darussalam. Pembuatan Songkok adalah kraf tradisional yang dihasilkan oleh lelaki dan wanita. Manakala (SuaraJakarta.Co, 2018) menyatakan "The Origin of the Songkok or Kopiah" dalam The Brunei Times, ia mendefinisikan songkok atau peci hitam itu telah diperkenalkan para pedagang Arab yang juga menyebarkan agama Islam. Pada saat yang sama, dikenal pula serban atau turban dan dipakai oleh para cendekiawan Islam atau ulama, bukan orang biasa. Songkok menjadi pemandangan umum di Kepulauan Malaya sekitar abad ke-13 saat Islam mulai mengakar. Menurut pada asalnya, kopiah dan songkok itu adalah sama dari segi rupa, bentuk dan warna (berwarna putih atau hitam). Sementara serban pula dipakai bersama dengan kopiah mengikut amalan Rasulullah S.A.W. Setelah perubahan zaman sehingga Zaman Uthmaniyah, bentuk songkok diubahsuai menjadi tarbus. Kini, songkok dalam budaya Melayu difahami dengan rupa hitam dan keras. Manakala, kopiah difahami dengan warna putih dan lembut. (Dictionary, n.d.) menyatakan bahawa songkok disebut "songkok" dalam bidang budaya Melayu di kepulauan Melayu. Semasa di Jawa, ini disebut "kopiah" atau "kopeah". Ia juga terkenal di Indonesia sebagai "perbuatan" walaupun lebih elips dan kadang-kadang dihiasi. Berdasarkan huraian di atas, jelaslah bahawa songkok adalah salah satu warisan nasionalisme dari seberang yang tanpa kita sedari telah menggantikan pemakaian tanjak dan tengkolok yang telah sebatu dengan jiwa Melayu silam walaupun tanjak dan tengkolok berasal dari Wilayah Timur Kepulauan Asia Tenggara (Isnaeni, 2012)

(Jamil, n.d.) menyebut songkok bukan lagi asing bagi masyarakat di Malaysia. Baju Melayu tidak lengkap tanpa memakai songkok. Pada Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, songkok dipakai oleh kanak-kanak, remaja dan golongan dewasa. Songkok juga dipakai ketika menunaikan solat. Pada majlis-majlis tertentu seperti upacara pertabalan raja atau Yang diPertuan Agong, dan majlis angkat sumpah, tetamu lelaki Melayu diwajibkan memakai songkok.

Demikianlah kepentingan dan kegunaan songkok yang menjadi budaya dalam masyarakat Melayu. Warisan songkok ini bukanlah untuk memberikan simbol identiti Islam, malah ia adalah untuk melambangkan keseragaman dan juga turut membuktikan sikap disiplin di kalangan masyarakat. Untuk menyokong hujah yang berkaitan dengan isu keagamaan ini, (Jaal, 2019) juga turut menyertakan fakta mengenai pemakaian songkok di mana ia juga diharuskan kerana tidak ada sebarang percanggahan dengan hukum Islam dan ianya berkonsepkan penutup kepala seperti serban dan kopiah. Ia merupakan budaya masyarakat setempat di mana mereka memakai songkok ketika beribadah dan ketika menyambut hari-hari kebesaran Islam.

Songkok dikatakan berkait rapat dengan reka bentuk topi Tarboosh yang menjadi pakaian rasmi oleh masyarakat Ottoman di Turki. Dalam pada itu, budaya pemakaian songkok ini telah dikembangkan di kalangan kaum India Muslim dan seterusnya ia berkembang pesat di alam Melayu. Ini menjadi simbol identiti Islam dan menunjukkan sokongan Muslim India atas kekhalifahan yang dipimpin empayar Ottoman. (Salehuddin, 2015) menyatakan fakta di mana songkok mula diperkenalkan kepada rakyat Brunei oleh peniaga-peniaga Arab lebih enam atau tujuh ratus tahun yang lampau. Setelah beberapa lama, memakai songkok menjadi satu tradisi dan sinonim dengan bangsa Melayu. Maka ia menjadi terkenal bagi masyarakat Melayu di Malaysia, Singapura, Indonesia dan selatan Thailand.

Menurut Rozan Yunos dalam "The Origin of the Songkok or Kopiah", songkok diperkenalkan para pedagang Arab, yang juga menyebarkan agama Islam. Pada saat yang sama, dikenal pula serban atau turban. Namun, serban dipakai oleh para cendekiawan Islam atau ulama, bukan orang biasa. Menurut para ahli, songkok menjadi pemandangan umum di Kepulauan Malaya sekitar abad ke-13, saat Islam mulai mengakar (Siregar, 2019). Namun begitu, di negara-negara lain seperti Istanbul sendiri, songkok dikenali dengan nama *fezzi*

atau phecy. di Asia Selatan iaitu India, Pakistan, dan Bangladesh, songkok dikenal sebagai Roman Cap (Topi Romawi) atau Rumi Cap (Topi Rumi) (Nobito, 2012).

Sehingga kini, songkok masih lagi menjadi suatu budaya di mana masyarakat melayu masih menggunakannya namun tetapi reka bentuk asal songkok mulai berubah mengikut peredaran masa. Songkok juga diadaptasi sebagai sebahagian baju seragam Rejimen Askar Melayu Diraja di awal penubuhannya sekitar tahun 1933 dan dikekalkan sehingga ke hari ini. Pada hari ini, reka bentuk songkok telah mengalami lebih banyak perubahan semisal wujudnya songkok jenis boleh lipat serta beberapa rekaan yang sinonim dengan individu tertentu (Pekan, 2020).

**TRANSKRIP TEMU
BUAL BERSAMA
TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH

SESI SATU

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pembuatan songkok. Bersama sama kami ialah Encik Haja Mohideen yang merupakan seorang pembuat songkok tersohor di Pulau Pinang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 Mei 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2 petang bertempat di Kedai Songkok OSM Mohd Shariff. Temu bual ini dikendalikan oleh Nurul Aina binti Ahmad Shukri dan juga Nur Zulaikha binti Azmi. Dengan segala hormatnya temu bual dimulakan.

NAS: (mengangguk) Okey jadi kita akan mulakan dengan soalan latar belakang diri tokoh.

HMS: Ya --.

NAS: Apakah nama penuh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Nama saya (gangguan bunyi tarikan pita jual) Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff.

NAS: Bilakah tarikh lahir encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]

HMS: Saya lahir saya 02 March -- 03 taun 1948.

NAS: Dimanakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] dilahirkan?

HMS: Saya dilahirkan di India.

NAS & NZA: India.

HMS: Ya. (mengangguk)

NZA: Boleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] men--?

HMS: Bapak [Mohd Shariff] saya (isyarat tangan) bawa mai sini masa umur saya enam [6] taun.

NAS: Bolehkah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] cerita sedikit-- (sambil mengarah ke NZA).

NZA: Bagaimana perjalanan daripada India ke sini? (berfikir sejenak) Nak pergi Pulau Pinang [Malaysia].

HMS: Masa tu nek kapal layar.

NZA: Kapal layar.

HMS: Ha kapal layar. Kami nek di pelabuhan Madras di India Selatan (berfikir sejenak). Kira masa diambil tujuh [7] hari nak sampai di Pulau Pinang [Malaysia].

NAS: Pada ketika itu, encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] (berfikir) berumur enam [6] tahun?

HMS: (gangguan bunyi tarikan pita jual) Enam [6] taun.

NAS: Okey. Jadi, (berfikir) dimanakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] menetap sekarang?

HMS: Sekarang saya (berfikir) dulu bapak [Mohd Shariff] saya ada kawin perempuan Melayu di situ. Jadi, saya menetap dengan dia dulu. Mak -- sini yang bela saya, sekarang ya dia bela saya. Jadi *time* [masa] dulu _____ di Pulau Pinang [Malaysia]. Ha, mak dia [ibu kedua]. Ha, pasal itu pasal taun -- 1957 masa yang saya tiba sini

sebelum merdeka (gangguan bunyi kenderaan).

NAS: Sebelum merdeka (mengangguk).

HMS: (berfikir sejenak) merdeka.

NAS: Okey, ceritakan sedikit pengalaman zaman persekolahan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sehingga kini?

HMS: (berfikir) Saya pi sekolah *Wellesley Primary School* [Sekolah Kebangsaan Wellesley, Pulau Pinang, Malaysia].

NAS: *Wellesley Primary School* [Sekolah Kebangsaan Wellesley, Pulau Pinang, Malaysia] (sambil mengangguk).

HMS: *Wellesley North* [Utara] (berfikir sejenak), ada *Wellesley Primary School* [Sekolah Kebangsaan Wellesley, Pulau Pinang, Malaysia] masa darjah satu [1] (menunjukkan nombor satu) sampai darjah lima [5]. Lepas lima [5] (berfikir sejenak), saya mai bantu bapak [Mohd Shariff] kedai buat kerja ni. Tapi, saya pi sekolah malam.

NAS & NZA: Sekolah malam.

HMS: Ha dulu, masa tu ada sekolah malam. Jadi--

NZA: Sekolah malam daripada pukul berapa sampai pukul berapa?

HMS: Enam setengah [6:30] sampai sepuluh [10] malam.

NZA: Enam setengah [6:30] sampai sepuluh [10] malam (sambil mengangguk).

HMS: Ha jadi, saya terus masuk *form one* [tingkatan satu], *form two* [tingkatan dua], *form three* [tingkatan tiga], *form four* [tingkatan empat], *form five* [tingkatan lima], saya habis (sambil mengira).

NAS: Dimanakah terletak sekolah malam tu?

HMS: Letak _____ setaun *primary school* [sekolah rendah].

NZA: Dan sekolah menengah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff].--?

HMS: Menengah terus *secondary school* [sekolah menengah] *Wellesley Primary School* [Sekolah Kebangsaan Wellesley, Pulau Pinang] sampai darjah enam [6] saja.

NAS: Sampai darjah enam [6]. Lepastu-- (isyarat tangan).

HMS: Jadi, (isyarat tangan) sebab saya tolong bapak [Mohd Shariff] saya terpaksa ponteng sekolah. Saya balik India sat pasai saya balik tu kira sini kena potong nama dari sekolah. Jadi, saya mai -- saya masuk sekolah malam *form one* [tingkatan satu].

NAS: Bermula daripada--?

HMS: Dari enam [6] petang sam-- enam stengah [6:30] petang sampai sepuluh [10] malam. Tiap -- hari (berfikir) cut-- ahad dengan sabtu cuti.

NAS: Ahad sabtu cuti, okey.

NZA: Jika boleh, saya teruskan dengan latar belakang keluarga encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]. Okey, apakah nama ibu [Hussien Jamilah binti Abdul Kadel] dan ayah [Mohd Shariff] encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Ibu -- saya Jamilah. Hussien Jamilah binti Ab-Abdul (berfikir sejenak) Kadel.

NZA: Kadel. Ayah [Mohd Shariff] encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Ayah encik Mohd Shariff.

NAS & NZA: Mohd Shariff.

NZA: (menggaru dahi) Dan berapakah bilangan adik-beradik encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: _____ saya ni dia kami di tiga [3] di India tiga [3] orang. Kakak dengan adik tapi di sini [Malaysia] ada tujuh [7] orang dengan mak sini [ibu kedua].

NZA: Mak sini [ibu kedua]?

HMS: Mak belah Pulau Pinang [Malaysia] (berfikir sejenak) depa semua tak -- masuk bidang buat songkok.

NAS: Encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sorang je (menunjukkan HMS)?

HMS: Ha depa ha saya sorang saja -- mai bantu bapak [Mohd Shariff] saya.

NZA: Dan adik-beradik encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sekarang menetap di sini (isyarat tangan)? Di Pulau Pinang [Malaysia]?

HMS: Dak --, sekarang depa semua naik pangkat tinggi --. Ada -- *engineer* [jurutera], ada pengarah (senyum). Ada, c -- (berfikir) apa si (berfikir) apa? *CPD* [*Continuous Professional Development*]. Depa dapat balik dah *pencen* [bersara] dah.

NAS: Hebat (senyum).

HMS: Depa hebat -- semua dah. Jadi, depa tak mai kedai songkok.

NAS, NZA & HMS: (ketawa kecil).

NZA: Selalu berjumpak?

HMS: Jumpa, depa mai depa semua dari Alor Setar [Kedah, Malaysia], Shah Alam [Selangor, Malaysia] (isyarat tangan).

NAS: Dalam (berfikir) tujuh [7] orang beradik tu, berapa lelaki berapa perempuan? (isyarat tangan).

HMS: Tujuh [7] -- jantan.

NAS: Semua lelaki.

NZA: Yang tiga [3] di India?

HMS: A-adik, kakak sorang, adik sorang.

NAS: Adik lelaki atau adik perempuan?

HMS: A-adik tu jantan.

NAS & NZA: Jantan.

HMS: Kakak saja perempuan.

NZA: Encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] anak yang beberapa?

HMS: Anak yang kedua [2] (menunjukkan dua jari). Kalau ikut India, kedua [2]. Kalau ikut di sini [Malaysia], *number* [nombor] tiga [3] (menunjukkan tiga jari).

NZA: Dimanakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] ibu [Hussien Jamilah binti Abdul Kadel] dan ayah [Mohd Shariff] encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd

Shariff] menetap?

HMS: Ibu [Jamilah] saya -- dah meninggal. Ibu [Jamilah] bapak [Mohd Shariff] semua dah meninggal.

NAS: Menetap di sini kan? (sambil memandang NZA).

NZA: Kan (sambil mengangguk).

HMS: Dan ibu sini [ibu kedua] (isyarat tangan) pun dah meninggal.

NAS: Dua [2] --. Di India dan di sini [Malaysia].

HMS: Ya --, ibu [Hussien Jamilah binti Abdul Kadel] saya yang lama dah meninggal. Di sini [ibu kedua] pun dah meninggal. _____ (gangguan bunyi kenderaan)

NZA: menin--? Ibu [Hussien Jamilah binti Abdul Kadel] dan ayah [Mohd Shariff] encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] meninggal umur berapa?

HMS: (berfikir sejenak) Umur tu masa tujuh puluh [70] lebih baru depa meninggal.

NAS: Tujuh puluh [70] lebih. Sewaktu tu, encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] umur berapa?

HMS: Masa tu -- dua puluh [20] tiga puluh [30] macam tu.

NAS: Muda lagi. Okey. Jadi saya masuk soalan tentang perkahwinan? Apakah nama isteri [Malika Bener binti Kassim Muhammad] encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Nama isteri Malika Bener binti Kassim Muhammad -- (melakar di meja).

NAS: Sudah berapa lamakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] berkahwin?

HMS: Kahwin taun 1973 saya kahwin.

NZA: Ingat! (ketawa kecil).

HMS: (ketawa kecil) Taun ingat, tarikh tak ingat.

NAS: Okey. Encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] mempunyai berapa orang anak?

HMS: Saya dua [2] -- (sambil menunjukkan dua jari).

NAS & NZA: Dua [2] orang?

HMS: Dua [2] orang. Jantan satu [1] perempuan satu [1].

NZA: Sepasang (mengangguk). Dan sekarang anak encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] berumur berapa tahun (isyarat tangan)?

HMS: Anak saya dia beranak taun tujuh puluh tujuh [1977]. Berapa umur dia?

NAS & NZA: (berfikir dan ketawa kecil).

NZA: (menggeleng) Tak ingat. (ketawa kecil).

HMS: (berfikir) Empat puluh [40] lebih.

NAS & NZA: Empat puluh [40] lebih.

HMS: Ya -- empat puluh [40] lebih.

NAS: Yang perempuan?

HMS: Jantan. Yang kedua tu perempuan. Dia tiga puluh tujuh [37], tiga puluh lapan [38] macam tu. Semua dah kawin. Tapi anak saya kerja (berfikir) sebagai *engineer* [jurutera] sekarang di Intel [Malaysia].

NAS & NZA: Ha, yang lelaki?

HMS: Ha laki --

NAS: Yang perempuan?

HMS: Ha, yang perempuan tu dia kerja penolong cikgu tabika. _ _ _.

NZA: Berjaya anak encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]. (senyum)

NAS: Semua berjaya termasuk encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] (ketawa kecil). Okey. Bagaimanakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] bertemu dengan isteri [Malika Bener binti Kassim Muhammad] encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] dan ceritakan sedikit kisah pertemuan?

HMS: Yang ni saya tak, yang ni sebenarnya isteri [Malika Bener] saya ni anak mak -- punya abang punya anak.

NZA: Sekali lagi encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Kira isteri [Malika Bener binti Kassim Muhammad] saya ni, mak saya ada abang, anak dia saya kawin. Jadi, depa yang mak bapak --.

NAS: Ada ikatan keluarga kan?

HMS: Ha, depa bapak [Mohd Shariff] saya suruh kawin anak abang dia.

NAS: Macam sepupu kan?

HMS: Ha betul --. Kira di India ni macam tu depa (berfikir).

NAS: Orang terdekat?

HMS: Ha, ya -- terdekat.

NZA: Okey soalan seterusnya. Mengapakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] memilih untuk melibatkan diri dalam bidang warisan songkok ini?

HMS: Bidang warisan ni sebenarnya bapak [Mohd Shariff] saya yang suruh saya buat. Ha saya bantu dia, lepastu bantu saya pun minta kerja dengan kerajaan semua. _____
_____. Jadi saya minta dapat pi *interview* [temu duga] tapi tak dapat kerja masa tu susah. Jadi, saya kena apa kena *continue* [teruskan] buat ini dan kat luar tu susah dapat kerja.

NZA: So [Jadi], daripada situ encik buat songkok ni (isyarat tangan)?

NAS: Teruskan kan?

HMS: Ha, hingga hari ini. Apa lain kerja pun saya tak buat.

**NAS: Jadi, bilakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] mula untuk macam minta kerja selain buat songkok ni masa encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] kata-
-?**

HMS: Masa bapak [Mohd Shariff] saya hidup lagi. Ha jadi, bapak [Mohd Shariff] saya pun tak bagi dia kata buat songkok ni lebih baik.

NZA: Okey. Bagaimanakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] tahu tentang warisan songkok?

HMS: Belajaq dari bapak [Mohd Shariff] saya. Dia yang ajaq saya semua.

NZA: Siapakah yang menginspi -- menginspirasikan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] dalam menceburi bidang ini?

HMS: Inspirasi saya dalam meniaga ni masa tu baguih. Pendapatan pun tinggi jugak.

NZA: Pada waktu itu?

HMS: Ha, pada masa tu. Pada masa bapak [Mohd Shariff] saya ada masa tu. Jadi, saya pun daripada kerja dengan orang baik kita buat meniaga sendiri. Jadi, saya ambik bidang ke situ.

NZA: Okey. Sebagai tokoh yang berpengalaman, apakah simbolik songkok pada pendapat encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Simbolik songkok (berfikir sejenak). Simbolik. Kalau kita pakai songkak (sic: songkok) kita nampak lebih kemas. Ha, lebih kemas. Jadi kita macam -- kebudayaan kita -- keluarkan.

NAS: Jadi galakan pemakaian songkok supaya nampak kemas?

HMS: Ha, lebih kemas.

NZA: Okey. Pada pendapat encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff], apakah keunikan warisan songkok?

HMS: Keunikan warisan songkok (berfikir sejenak) unik tu macam kita pakai baju melayu, kita tak pakai songkok, dia tak *complete* [lengkap] (isyarat tangan). Jadi, kita kena pakai songkok baru pakaian kita tu kemas. Pakai kemas tu kan-- (berfikir sejenak).

NAS: Menunjukkan imej?

HMS: Ha, ya imej. Baru sempurna.

NAS: Sempurna. Maksudnya sempurna tu dari segi pemakaian kan?

HMS: Ya --.

NAS: Okey kita teruskan dengan soalan seterusnya. Adakah bakat yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] ada sekarang datang daripada ahli keluarga atau secara semula jadi? Semestinya daripada ayah [Mohd Shariff] encik kan.

HMS: Ya --.

NAS: Boleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] cerita sedikit kisah macam pemindahan bakat tu?

HMS: Pindah bakat ni saya kira sa -- oleh kerana Pulau Pinang [Malaysia] takdak orang buat songkok. Kami saja tinggal. Jadi sayang.

NZA: Sehingga kini?

HMS: Ha, sehingga hari ini. Dekat dua puluh [20] taun dah takdak orang buat. Jadi, depa nak buat tu songkok kena mai dekat saya. Jadi, sayang saya pun tak jual _____
HMS: Nak sambung yang _____.

NZA: Yang ini yang ini (sambil menunjukkan songkok)

HMS: Yang ni senang, pusing aja. Kena tak boleh lari ukuran dia tu tak boleh lari sedikit pun. Kalau dia terbesaq sikit pun tak elok kalau kecil pun tak elok.

NZA: Kena fokus!

HMS: Ha (sambung menjahit). Kira keunikan songkok tu, cantiknya songkok ni bergantung dekat kita sambung dua [2] -- tu.

NZA: So [Jadi], ni part [bahagian] --

NAS: Kena cekap.

NZA: Paling -- penting?

HMS: Ya, paling penting (sambung menjahit).

NAS: Part [bahagian] gabung dua [2] tu.

NZA: Langkah berapa?

NAS: Tujuh [7] (sambil menunjukkan simbol tujuh).

HMS: Dah siap dah bentuk dia.

NAS: (serentak) Yang mana yang gabung tu?

NZA: (serentak) Yang ini.

NAS: Yang *part* [bahagian] ni?

HMS: Ya --.

NZA: Ini jenis keras punya? (melihat songkok)

HMS: Ha, ya.

NAS: Tak boleh lipat yang ni?

NZA: Tak boleh lipat? Boleh lipat tak yang ni?

HMS: Ha ini tak boleh lipat. Lipat ini kita hanya bahagian atas dengan bahagian ini kena lembut. Tak boleh pakai *cardboard* [kadbod] dalam. Pakai ken dengan kertas saja (berdiri mengambil bahan songkok).

NAS & NZA: (melihat bahagian dalam songkok)

HMS: Pasai kita nak *explain* [terangkan] buat ni susah. Baik kita tunjuk buat.

NAS & NZA: Ha betul!

HMS: Kita nak *explain* [terangkan] pun taktau. Kita buat tunjuk, depa tau. (gangguan bunyi motosikal)

NZA: Ha baru nampak!

HMS: (HMS berbicara dengan Abdul Kader bin Mohammad Bener)

NAS & NZA: (berbisik dan berbincang sementara menunggu HMS menyediakan peralatan jahitan).

HMS: (mengukur dan memotong kain).

NZA: Ini langkah yang terakhir?

HMS: Dak --, ada lagi --. Empat [4] lagi (memasukkan peralatan jahitan pada mesin). Ada sepuluh [10] saya ingat langkah. Kecik -- sikit -- ja. Yang ni kena guna benang hitam (gangguan bunyi motosikal). Kalau tidak dia nampak (menukar warna benang) (mula menjahit). Dia bulan -- puasa memang macam ni pun, tak boleh rehat. Ada *customer* [pelanggan] banyak. Kami kena siap untuk depa. Pasai tu saya kata tak boleh (sambung menjahit). Waktu *last minute* [saat akhir] songkok tak cukup. Apa yang kami buat tak cukup. Songkok dia ni (mengambil songkok) kita tutup dia (sambil meletakkan kain baldu di songkok). Sat kita bubuh jarum kat dia (menjahit bahagian songkok) Nak boh sekeliling dia bagi dia kejab baru kita jait.

NZA: Jahit yang bahagian ini?

HMS: Ha bahagian ni. Jait kami buang jarum. (gangguan bunyi motosikal). Baru dia elok kan (menunjukkan songkok).

NAS & NZA: (melihat jahitan songkok).

HMS: (mengukur dan mula menjahit kain baldu di atas kadbod). Benda ni kena besaq sikit. Dia jadi kecik sikit (membuka jahitan songkok semula). Itu pasai kita potong situ.

NAS: Ni kena potong semula ke? Kena potong semua?

HMS: Ya --, tempat ni (menunjukkan lokasi) sempit sangat nak potong ken. Agak -- saja.
Dia terkecik.

**NAS: Selalunya encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] potong kain dekat mana?
Dekat belakang ni?**

HMS: Selalu saya letak papan keras (menunjukkan isyarat tangan) ada sampai lebaq ni.
Letak atas ni, duk belakang saya potong.

NZA: Sempit tak boleh dapat dia punya saiz.

HMS: Ukuran betui tak dapat (gangguan bunyi kereta). Kita tarik sikit bagi elok. Betui kita
buat, kita *check* [periksa] betui --. Yang ni kita kena berenti di sini. Lebih sikit
terkeluaq.

NAS: Tak boleh?

HMS: Ha tak boleh, tak kemas. Dia tak kemas. Buat tu boleh, boleh buat tapi orang
beli pun tak elok.

NAS & NZA: Tak puas hati.

HMS: Saya nak bagi pun tak puas hati. Kalau saya puas hati, baru saya bagi.

NAS: Ha bagus.

HMS: (ketawa kecil) kalau tak saya buat balik. Pasai tu orang minat beli kat saya.

NAS: Betul, kualiti!

HMS: Ada *customer* [pelanggan] tiga [3] *generation* [generasi], empat [4] *generation* [generasi]. Dia, tok dia, anak dia, cucu dia pun mai beli. Depa dah pindah pi Kuala Lumpur [Malaysia] pun depa turun mai beli. Depa kata bapak [Mohd Shariff] saya, tok saya beli sini. Ha macam tu (menunjukkan isyarat tangan).

NAS: Pelanggan setia --.

HMS: Sebab pelanggan saya semua macam ni. Ada *generation* [generasi] (sambung menjahit). Ni dia berenti kat sini, ada tanda tu. Dia kalau boleh kena *stop* [berhenti] di sana baru dia elok.

NAS: Betul – (gangguan bunyi motosikal) perlukan kesabaran -- yang kuat.

HMS: Ha ya --. Itu langkah yang ke Sembilan [9]. Ada lagi satu [1]. Ini kita lipat masuk.

NAS: So [Jadi] kita perlukan dua [2] *cardboard* [kadbod] kan? Macam satu [1] *cardboard* [kadbod] yang untuk yang luar ni. Satu [1] untuk kain ni.

HMS: Ya -- untuk kain.

NAS: Tebal kan.

HMS: Ada *cardboard* [kadbod] tebal, ni *cardboard* [kadbod] nipis.

NZA: Sebab tu tak boleh lipat kan?

HMS: Ya --, sebab tu tak boleh lipat. Sekali kita lipat, bentuk dia hilang. Pastu yang ni yang *last* [terakhir] kita jait tepi. Sat kita suruh dia [Abdul Kader bin Mohammad Bener] jait tepi (memberikan arahan kepada Abdul Kader bin Mohammad Bener).

NAS & NZA: (melihat dan memegang songkok)

HMS: Bila dia cukup baru dia dalam ni semua dia tak _____.
Kalau kecik dia lebaq _____ (gangguan bunyi kenderaan) dalam dia
jadi kemek --. Kalau duk dalam pun dia akan terkeluaq. Jadi, dua [2] bahagian ni
kena tepat, kena teliti.

NAS: Jahit tangan?

HMS: Ha, yang ni kena pakai *last* [terakhir] ni kena guna tangan.

NZA: Kenapa?

HMS: Sebab kalau kita guna *machine* [mesin], kita jait--

NAS: Susah?

HMS: Bukan susah, jait sini nampak *line* [garisan]

NZA: So [Jadi] ni, jait -- apa tu?

NAS: Dalam?

HMS: Ha, jait belah ni saja. Kita jait macam ni (sambil menjahit).

NAS: Hujung ja.

HMS: Ya, hujung saja. Kita kena jait keliling sampai habis.

NAS: Ni jahitan apa ni? Jelujur ke jahitan silang ke? Apa nama jenis dia?

NZA: Apa nama jenis jahitan dia?

HMS: Jahitan ni -- kira --

NAS: Ikut dan?

HMS: Ya, ikut dan. Ikut suka kita nak jahit lagumana.

NAS, NZA & HMS: (ketawa kecil).

NZA: Jahitan ikut suka.

HMS: Ya --, macam nak tutup mulut dia [songkok].

NZA: (ketawa kecil).

HMS: (menjahit songkok) __. Nak jait sampai habis ka?

NZA: Eh takpa.

HMS: Cukup?

NAS & NZA: Cukup (ketawa kecil).

HMS: Kot nak tunjuk gaya kan. Baik kita ada lagi soalan kita jawab.

NAS: Ha, betul! Kita teruskan dengan soalan. Okey. Jadi kita teruskan dengan soalan tentang pekerjaan. Bolehkah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] menceritakan sedikit pengalaman permulaan pekerjaan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sebagai seorang pembuat songkok?

HMS: Oleh kerana kedai ini kedai bapak [Mohd Shariff] saya, ada masa lebih sekolah saya mai tengok dia buat dia jait songkok. Jadi, sikit -- saya belajar dari dia -- jugak. Hari -- saya belajaq apa yang dia buat.

NAS: Berdasarkan tengok ja?

HMS: Ha, tengok -- saja. Masa tu tengok saja.

NAS: Sambil ajar?

HMS: Dia bapak [Mohd Shariff] saya pun masa tu saya kecik lagi kan.

NAS: Tak yakin?

HMS: Ha, tak yakin. Saya tengok saja macam mana dia buat. Jadi, ha lepastu lepas dua [2] tiga [3] taun baru saya jait mesin tu mesin.

NAS: Masa tu umur encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] enam [6] tahun (gangguan bunyi motosikal)?

HMS: Dak -- bukan enam [6] taun dak --. Masa tu saya atas, saya ada belajaq *primary school* [sekolah rendah] sekolah petang. Ha darjah satu [1] sampai darjah empat [4] lima [5] petang. Jadi saya tak boleh mai kedai. Duk rumah sekolah balik rumah balik sekolah pi _____. Dengan *primary school* [sekolah rendah], setengah kilometer aja jalan kaki pun boleh. Jadi lepas saya pi *form one* [tingkatan satu] baru saya mai sini. Siang saya mai songkok pasaipa sekolah mula dari enam setengah [6:30].

NAS & NZA: Dari enam setengah [6:30]?

HMS: Jadi pukul sembilan [9] sepuluh [10] saya boleh mai kedai buat kerja pi sekolah balik rumah tidoq.

NAS: Rajin.

NZA: Kerja sekolah? (ketawa kecil)

NAS: Kerja sekolah.

HMS: Sijil sekolah? Saya ada MC [*Malaysia Certificate*] (berfikir) *Senior Cambridge* [sijil] dulu.

NAS: *Senior Cambridge* [sijil]?

HMS: Gred tiga [3] --. MC [*Malaysia Certificate*] pun gred tiga [3]

NAS: Gred tiga [3].

HMS: Gred tiga [3]. Tapi sekolah apa saya belajaq tiga [3] jam saja.

NAS & NZA: Tiga [3] jam saja?

HMS: Ha tiga [3] jam saja. Ha patut takdak masa.

NAS: Okey. Adakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] mempunyai pembantu dalam menghasikan songkok ini?

HMS: Bantuan? Ada --. Menantu [Abdul Kader bin Mohammad Bener] saya. Saya ajaq pasai saya nak ganti kerja ni saya suruh menantu [Abdul Kader bin Mohammad Bener] saya belajaq. Saya saja ajaq dia buat songkok.

NAS: Jadi, hanya menantu [Abdul Kader bin Mohammad Bener] encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] saja?

HMS: Dia sorang saja --. Kalau banyak orang pun, perniagaan ni bukan luas sangat.

NAS: Jadi, pekerja buat setakat ni dua [2] orang saja?

HMS: Ha --, dua [2] orang saja.

NAS: Encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] dengan menantu [Abdul Kader bin Mohammad Bener]?

HMS: Ha, saya dengan dia dua [2] orang.

NAS: Apakah nama menantu encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Nama dia Abdul Kader bin Mohammad Bener.

NAS: Berapakah umur? (menunjukkan menantu).

HMS: (Bertanya kepada menantu) Umur dia [Abdul Kader bin Mohammad Bener] pun empat puluh enam [46].

NAS: Empat puluh enam [46].

HMS: Dia [Abdul Kader bin Mohammad Bener] pun dah sepuluh [10] taun dah mai kedai ni.

NAS: Ha sepuluh [10] tahun.

NZA: Memang dia bekerja tetap?

HMS: Dulu dia kerja di _____. Ha lepas dia kawin, baru dia mai sini.

NAS: Okey.

HMS: Dia boleh bawak lori besaq semua *tanker* [tangki] semua dia boleh bawak.

NZA: Tapi dia kerja sini?

HMS: Ha --, sebelum tu.

NAS: Dia memilih untuk kerja di sini jugak.

HMS: Lori besaq pun dia boleh bawak. Dia ada lesen lagi.

NAS: Ada lesen. Jadi maksudnya Encik Abdul Kader – memulakan untuk bekerja di sini bila dia ni dah berkahwin dengan anak encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Ha lepas kawin dengan anak saya. Tapi sebelum tu, dia pun adik-beradik saya jugak. Bukan orang luar. Dengan tok saya mak saya dengan tok dia adik kakak.

NAS: Ada ikatan keluarga?

HMS: Ada ikatan – keluarga. Adik-beradik.

NAS: Tapi di sini [Malaysia]? Ikatan adik-beradik di sini?

HMS: Ha sini. Ada.

NAS: Bukan di India tu?

HMS: Belah --, bukan belah sini. Belah India pun ada. Belah sini pun ada.

NAS: Maksudnya memang kenal kan?

HMS: Ya --.

NAS: Okey. Berapakah amaun gaji yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] tawarkan kepada pekerja (ketawa kecil)?

HMS: (ketawa kecil) Dak, dia ni akaun dia semua saya serah kat dia. Saya ambik belanja apa yang saya perlu saja. Semua akaun dia jaga.

NAS: Maksudnya Encik Abdul Kader ni jaga bahagian akaun semua ni?

HMS: Ha bahagian akaun semua dia jaga.

NAS: Maksudnya kalau macam encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] nak guna duit apa, encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] *just* [hanya] mintak?

HMS: Mintak. Tak mintak, ambik saja (ketawa kecil).

NAS: Ambil saja (ketawa kecil). Okey --. Apakah ciri -- yang diperlukan untuk bekerja dengan kedai OSM Mohd Shariff?

HMS: Ciri -- dia tu kena kira dia buat songkok ni kena ambik masa panjang. Jadi kena sabar. Ada perniagaan ni pun bukan hari -- boleh laku punya. Jadi kita bulan biasa kurang. Jadi kita tunggu dekat -- raya [Hari Raya Aidilfitri]. Jadi saya jadi, kita kena tapi tak boleh duk diam.

NAS: Ha kena cari.

HMS: Dia kena buat lima [5] ke enam [6] macam tu ka, simpan untuk juai. Jadi, macam tu.

NZA: So [Jadi], nanti tak teruk sangat?

NAS: Maksudnya memang dia akan--?

HMS: Jadi masa saya bulan puasa [Ramadan] tu kita boleh habis. Kira *cover* [dapatkan] balik. Apa yang _____ (gangguan bunyi motosikal) masa tu kita boleh *cover* [dapatkan] balik.

NZA: Kalau bukan musim perayaan, ada tak tempahan?

HMS: Tempahan untuk sekarang kurang sangat. Tapi perkahwinan musim perkahwinan ha tu depa mai beli. Tu saja, lain pada tu takdak orang beli.

NZA: Sebab tu-- (pen terjatuh).

HMS: Pasai tu kami masuk Shopee [pelantar E-Dagang] dengan Lazada [pelantar E-Dagang]. Jadi, buat macam -- ni semua ni ada jugak satu [1] tiga [3] empat [4] lima [5] enam [6] depa *order* [tempahan].

NAS: Betul --. Maksudnya encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] luaskan lagi pasaran?

HMS: Ha pasaran. Luas, *market* [pasaran] dia luas.

NAS: Maksudnya bukan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] jual songkok je, tapi ada lagi jenis lain macam tarbus.

HMS: Ha jenis, ya --. Macam bulu kambing tu, tarbus ni. Lagipun songkok kami -- juai morah dari lain -- tempat.

NAS: Ha betul!

HMS: Ha lain -- tempat mahai. Jadi, kami masuk -- Lazada [pelantar E-Dagang] ada orang beli --.

NAS: Maksudnya harga yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] tawarkan pun memang berpatutan dengan kualiti?

HMS: Ha ya --. Kualiti dia pun kami jaga, harga dia pun morah boleh dapat.

NAS: Macam encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] ca - beritahu, ada buat jualan di perniagaan *online* [atas talian] --

HMS: Ha ada --.

NAS: Perniagaan atas talian kan?

HMS: Ha sekarang ni kami dah mula *online* [atas talian] dah. Dah dua [2] bulan dah.

NAS: Dua [2] bulan?

HMS: Baru saja.

NAS: Baru saja.

HMS: Sebelum tu buka *online* [atas talian] tapi depa hantaq melalui Pos laju (perkhidmatan kurier) depa buat _____ (gangguan bunyi hon) kami hantaq _____ baru saja kami dari bulan puas-puasa ni kami dah mula *online* [atas talian]. Lazada [pelantar E-Dagang] dengan Shopee [pelantar E-Dagang].

NAS: Dua [2] aplikasi ni?

HMS: Ha ya --.

NAS: Sebelum ni sebelum guna aplikasi Lazada [pelantar E-Dagang] dengan Shopee [pelantar E-Dagang], tempahan dilakukan melalui WhatsApp [aplikasi]?

HMS: Ha betul -- melalui WhatsApp [aplikasi].

NZA: Depa datang terus ke kedai?

HMS: Ha ya. Tapi itu sebelum kita duk bagi *supply* [membekalkan] orang niaga, Singapore semua kami hantar. Macam tarbus ni semua hantar Singapore. Kat Singapore, tak dak *business* [perniagaan] juai songkok ni takdak. Ha, sebab tu kami hantaq.

NAS: Jadi, kalau macam pelanggan dari luar negara, macam mana mereka membuat tempahan?

HMS: Melalui *phone* [telefon]. WhatsApp [aplikasi] ada. Kita hantar melalui *parcel* [bungkusan] ada kita ada melalui *railway* [kereta api] punya *railway* [kereta api] -- naik keretapi Tanah Melayu dengan Poslaju (perkhidmatan kurier) pi hantar *bulk* [pukal].

NAS: *Alright* [okey]. Apakah eh – (menutup mulut). Selain menghasilkan songkok, adakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] mempunyai pekerja-perkerjaan sampingan?

HMS: Sampingan takdak --. Takdak masa nak buat.

NZA: Kerja pembuat-pembuatan songkok.

HMS: Ni pun dah penuh masa dah. Sepuluh [10] jam kena buat songkok.

NAS: Maksudnya dalam untuk pekerjaan buatan songkok ni saja, encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] habiskan masa dalam sepuluh [10] jam sehari?

HMS: Ha --, satu [1] hari sepuluh [10] jam.

NZA: Okey kita pergi ke soalan seterusnya. Adakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] menyertai sebarang program ataupun kursus tertentu untuk mempelajari cara pembuat songkok?

HMS: Takdak -- kursus takdak belajar. Terus dari bapak [Mohd Shariff] saya.

NZA: Kirannya memang tak pernah?

HMS: Tak pernah hadir apa kursus pun tak pernah. Tapi dulu saya belajaq dulu *radio services course* [kursus perkhidmatan radio], *digital electronics* [elektronik digital] tu belajaq.

NAS: Tapi takdak kena mengena?

HMS: Takdak kena mengena dengan songkok. Lepastu saya mintak kerja dengan *Radio TV Philips* [Syarikat teknologi]. Depa p tak -- sijil ada tapi depa mau pengalaman.

NAS: Pengalaman. Tapi maksudnya --?

HMS: Jadi tak dapat.

NAS: Betul --. Pengalaman yang takdak kena mengena kan.

HMS: Ya --.

NZA: Okey. Berapa lamakah masa yang diambil untuk seseorang mahir dalam menguasai bidang penghasilan songkok?

HMS: Kalau dia tau *operator machine* [operasi mesin] macam jait baju, ken, macam dalam sebulan boleh mahir. Betul --.

NZA: Paling cepat?

HMS: Depa minat untuk, ya --.

NZA: Kalau paling lama?

HMS: Paling lama ikut minat depa kalau depa minat cepat. Kalau takdak minat, satu [1] taun pun tak boleh (gangguan bunyi hon).

NAS & NZA: (ketawa kecil)

NAS: Itu -- kalau orang yang memang dah pandai mahir guna mesin--

HMS: Mahir -- gunakan song-- *machine* [mesin].

NAS: Ha kalau orang yang tidak mahir?

HMS: Tidak mahir songkok kena ambik kena mahir songkok jahitan tu dulu.

NAS: Dia kena mahir jahitan dulu.

HMS: Baru kita potong --.

NAS: Jadi mungkin itu salah satu ciri -- yang perlu ada untuk bekerja di sini kan? Mahir menggunakan mesin?

HMS: Ya betul --.

NAS: Jadi kita teruskan dengan soalan tentang pencapaian. Apakah anugerah yang pernah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] kecapai dalam bidang songkok?

HMS: Anugerah tu saya dapat *Living Heritage* [Warisan Hidup] (sambil menunjukkan anugerah).

NAS: Pada tahun --?

HMS: Tahun enam puluh [60] saya tak nampak. Dua puluh tujuh belas [2017].

NAS: 2017.

NZA: Dari?

HMS: Living Heritage Main Street. Apa daripada *Heritage* [Warisan]. Kedai saya ni pun depa bagi satu [1] apa (mencari surat). Depa bagi cemerlang bila ada di Pulau Pinang [Malaysia] *World Heritage* [Hari Warisan]. Depa pun taun -- depa -- bagi.

NAS: Daripada *Georgetown World Heritage Incorporate* [organisasi].

HMS: Yang ni ada tulis _____ baru dapat depa bagi hadiah.

NZA: Status emas (menunjukkan surat).

NAS: Wow! Jadi Dr. Ang Ming Chee [Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporate] yang datang bagi?

HMS: Dak, pi situ depa bagi. Ni depa hantaq melalui tangan dengan staf depa.

NAS: Ha staf.

NZA: Boleh ka diakhir nanti nak ambil gambar?

NAS: Nanti akhir sesi boleh ke kalau kami nak ambil gambar?

HMS: Boleh --. Ambik gambar. Gambar ataih pun boleh.

NAS: Okey boleh simpan. Okey. Jadi, maksudnya ini salah satu [1] anugerah yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Ha ya -- anugerah.

NAS: Apakah perasaan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] apabila menerima

anugerah tersebut?

HMS: Macam seronok --

NAS, NZA & HMS: (ketawa kecil).

HMS: Tak sangka depa nak bagi. Pasai kerja ni bukan hebat -- sangat.

NZA: Bangga.

HMS: Ha bangga.

NAS: Terkejut ada tak terkejut?

HMS: Kecil -- macam ni pun --

NAS: Ha ya -- orang nampak.

HMS: Ha ya --. Depa hormati jugak.

NZA: Betul --.

NAS: Ha hormati kewujudan.

HMS: Macam ni pun depa hormati jugak.

NAS: Okey, apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Pencapaian tinggi yang tu dapat *Living Heritage* [Warisan Hidup].

NAS: Yang *Living Heritage* [Warisan Hidup] pencapaian dia?

HMS: Setaun depa bagi dua ribu [2000] ringgit [matawang Malaysia] sampai mati.

NAS: Wow, setiap tahun bermula daripada 2017 sampai--

HMS: Ha sampai saya mati.

NAS: (ketawa kecil).

NZA: Dua ribu [2000]?

HMS: Ha dua ribu [2000]. Ha kan depa mai bagi macam tu saja depa bagi dua ribu lima ratus [2500] pasai COVID-19 [Coronavirus Disease 2019] punya pasai.

NAS: Lebih? Dapat lebih?

HMS: Ya dapat lebih.

NZA: Dapat lebih.

NAS: Maksudnya tu adalah salah satu bantuan dari *Heritage* [Warisan] --?

HMS: Ha jadi kadang -- kalau kita sakit pun depa *cover* [beri] *insurance* [insurans].

NAS: *Insurance* [insurans]?

HMS: Jadi kita boleh claim.

NZA: Hanya orang yang dapat anugerah ni?

HMS: Ha ya --. Pada satu masa, tujuh [7] orang saja boleh dapat anugerah ni. Tujuh orang [7] saja. Lepas sorang mati, baru tambah lagi satu [1]. Jadi pada satu [1] masa, tujuh [7] orang saja.

NAS: Jadi maksudnya--. Okey --. Mungkin bayaran tu dibayar macam--

HMS: Melalui *cheque* [cek]. Depa -- hantaq *phone* [telefon] ataupun depa panggil melalui *phone* [telefon] pi ambik di pejabat depa.

NAS: Kena pergi?

HMS: Ha pi ambik di pejabat depa.

NZA: Tahun ini dah dapat ke belum dua ribu [2000]?

HMS: Taun ni masa ni depa bagi (sambil menunjukkan surat) masa Living Heri -- Pulau Pinang [Malaysia] Herig -- 07 Julai (menunjukkan kalender) 27 Julai *World H Heritage* [Hari Warisan] di Pulau Pinang [Malaysia] -- dengan Melaka (Malaysia).

NAS: Dia akan bagi pada hari *Heritage* [Warisan]?

NZA: Masa tu?

HMS: Ha masa tu. Depa pi ha masa tu depa bagi. [Abdul Kader bin Mohammad Bener] saya ada *share* [berkongsi] satu [1] *link* [pautan] semua _____
_____ (gangguan orang ketiga).

NAS: Ha okey ada -- Youtube [aplikasi] (sambil melihat telefon). Terima kasih (senyum).

NAS & NZA: (berbincang).

NAS: Okey, sehingga kini berapakah jumlah pencapaian yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] miliki? Satu [1] ni? Jumlah pencapaian?

HMS: Pencapaian.

NAS: Ha yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] dap -- yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] miliki?

HMS: Kira ada dua [2] tiga [3] ni saja.

NAS: Yang ni kan?

HMS: Ha dua [2] tiga [3] ni saja.

NAS: Maksudnya setiap tahun akan dapat kan?

HMS: Ha ya --

NAS: Ha akan dapat penghargaan ni kan? Maksudnya pada tu kan hari -- Warisan Pulau Pinang [Malaysia]?

NZA: *Heritage* [Warisan]?

HMS: Hari Warisan.

NAS: Setiap tahun ada kan?

HMS: Setiap tahun ada. Pasai itu Pulau Pinang [Malaysia] *holiday* [cuti] tu kan, *public holiday* [cuti umum].

NAS: *Public holiday* [cuti umum]. Maksudnya bayaran tu hanya untuk encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] -- sahaja ataupun termasuk--

HMS: Dak, untuk saya sorang saja.

NAS: Maksudnya kalau, maaf soalan ni. Kalau encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] dah tiada nanti, bayaran tu ni -- (sambil menunjukkan isyarat tangan).

HMS: Dia *stop* [berhenti].

NAS: Walaupun--

NZA: Ganti?

HMS: Mungkin depa pilih dia [Abdul Kader bin Mohammad Bener]. Tapi bukan depa nak pilih dia nanti boleh masuk depa boleh syorkan sapa -- tapi mungkin depa mau umuq yang enam puluh [60] tujuh puluh [70] lebih.

NAS: Yang lain pulak? Yang dah lama.

HMS: Depa bagi yang lebih lama.

NZA: Lebih lama.

HMS: Depa orang baru depa tak bagi.

NZA: Mungkin suatu hari nanti?

HMS: Mungkin dua puluh [20] taun lagi. (ketawa kecil) kalau masih dia buat songkok terus boleh.

NAS: Okey. Mengikut anggaran encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff], berapakah songkok yang telah terjual sejak dahulu hingga kini?

HMS: Kira setaun kira dua ribu [2000] dulu. Lima puluh [50] tahun ni --

NAS: Bahagi.

NZA: Darab.

NAS: Ha darab. (ketawa kecil).

HMS: Setaun macam dua ratuiah [200].

NAS: Dalam setahun dua ribu [2000]?

HMS: Dak -- macam dalam sebulan dua ratus [200].

NAS: Sebulan dua ratus [200].

HMS: Dua ratus [200]. Kira dalam setahun (mengira) dua belas kali dua belas. [Abdul Kader] dua puluh empat ribu [24000] _____. Bukan bayaq duit tu kira berapa songkok saja. (gangguan orang ketiga)

NAS: Maksudnya tu amaun songkok ka?

HMS: Buat songkok saja, bukan pendapatan.

NAS: Bukan pendapatan. Pendapatan mesti lebih.

HMS: (ketawa kecil) itu songkok saja.

NAS: (gangguan bunyi motosikal) Okey. Itu mungkin bilangan songkok kan, jadi pendapatan? Jangkaan dalam masa setahun? Agak -- berapa?

HMS: Macam ni tak dapat banyak. Kira macam dulu pun saya boleh dapat paling tinggi dua ribu [2000] pun boleh dapat dah.

NZA: Dalam masa sebulan?

NAS: Sebulan. Dia macam kalau musim perayaan --

HMS: Dia musim *average* [rata-rata]. Kalau kita bulan --, ada bulan yang dapat lima ratus [500] pun dua ratus [200] pun ada.

NZA: Ada yang tinggi ada yang rendah.

HMS: Ha ya --. Jadi kita kena kira *average* [rata-rata]. Bulan -- sekali kita bahagi dengan dua belas [12].

NZA: Masa perayaan baru -- ni? Tahun ni berapa?

HMS: [Abdul Kader bin Mohammad Bener] Kalau kita macam sepuluh [10] bulan kita kerja, tapi kita tak buat simpan dua [2] bulan boleh habis. Dua puluh empat ribu [24000] _____ (gangguan orang ketiga). Lepas raya [Hari Raya Aidilfitri] tu kita kena guna duit tu.

NAS: Ha betul maksudnya harga tu dia bertahan--?

HMS: [Abdul Kader bin Mohammad Bener] Sepuluh [10] bulan kita kerja, dua [2] bulan boleh habis. (gangguan orang ketiga).

NAS: Kena jaga kan.

HMS: [Abdul Kader bin Mohammad Bener] Untuk hidup boleh (gangguan orang ketiga). Untuk hidup saja. Harta tak boleh. Habis sekarang pun bapak [Mohd Shariff] saya meninggal masa dia meninggal rumah sewa dia takdak rumah. Dia takdak rumah sendiri dia takdak. Masa dia kerja brapa lama dah tapi takdak. Sekarang anak -- dia semua dah besaq, depa semua kerja baguih --. Masing -- beli sendiri. Saya pun bukan duduk rumah besar. Duduk rumah *low-cost* [kos rendah] saja. Kerajaan bagi.

NZA: Seperti yang diceritakan oleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sebentar tadi tentang pengalaman encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] dalam penghasilan songkok kepada golongan kenamaan. Bolehkan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] ceritakan serba sedikit tentang pengalaman tersebut?

HMS: Pengalaman tu kira--

NZA: Encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] pernah buat—

HMS: Ya --. Kira orang kenamaan mai saya rasa bangga. Saya layan depa dengan mana saya boleh.

NAS: Maksudnya orang -- tu memang datang kedai?

HMS: Depa sendiri mai kedai. Tapi depa tak bagitau depa apa. Depa buat macam orang biasa saja. Lepas depa dah balik baru orang kata “Tau ka dia ni sapa? *Malaysia Prime Minister.*” [Perdana Menteri Malaysia].

NAS: Bahaya tu.

NZA: Encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sendiri tak kenal?

HMS: Ha saya pun tak cam depa. Saya anggap semua orang sama.

NZA: Ha betul.

HMS: Saya anggap.

NAS: Semua kita layan baik.

HMS: Ha layan dengan baik semua.

NZA: Okey apakah pengalaman indah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sepanjang mengusahakan perniagaan songkok ini?

HMS: Pengalaman indah tu orang -- kenamaan mai beli songkok. Tu pengalaman indah.

NZA: Kalau orang awam? (ketawa kecil).

HMS: Itu sama jugak.

NAS & NZA: (ketawa kecil).

NZA: Apakah pengalaman buruk yang pernah dialami oleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Buruk tu saya tak bisa apapun. Tak tau nak cerita. Semua seronok depa *satisfied* [berpuas hati] semua. Semua depa *satisfied* [berpuas hati]. Depa tak bisa depa apa *complaint* [mengeluh].

NZA: Jadi, encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] tak pernah rasa --

NAS: *Down* [sedih]?

NZA: Stres?

HMS: Stres tu dak --.

NZA: Kirannya encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] hanya *enjoy* [nikmati]?

HMS: Dak -- pasaipa saya buat apa yang depa kehendak. Apa yang depa mau saya buat. Kalau depa tak puas, saya buat lain bagi. Jadi saya tak gaduh dengan depa.

NZA: Tak rasa benda tu satu beban?

HMS: Ha tak bertengkar. Kalau tersilap buat, saya buat lain.

NAS: Ikut citarasa pelanggan kan?

HMS: Ya --.

NZA: Adakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] pernah mengalami kecederaan sewaktu dalam proses menghasilkan songkok?

HMS: Takdak, tak besa. Kadang -- jarum kena tangan tu saja.

NZA: Biasa kan.

HMS: Biasa kena tangan dia masuk. Kadang -- masa saya potong kain, terpotong jari.

NAS: Cedera tu (ekspresi muka gerun).

HMS: Kecil – aja.

NZA: Kecil -- aja?

HMS: Biasa punya.

NAS: Terpotong jari. (ketawa kecil)

NZA: Ala kecil -- je.

HMS: Ya yang ni kena --

NZA: Sampai kena jahit tu tak pernah?

HMS: Tak pernah --.

NAS: Berdasarkan pengalaman -- tu, nampaknya semua indah -- kan. Jadi, adakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] meneruskan perusahaan buatan songkok ni dengan penuh minat ataupun terpaksa?

HMS: Dak, sekadar minat --. Pasai orang mai suruh saya buat depa kata sayang. Toksah -

NAS: Jangan berhenti.

HMS: Ha, depa tak bagi berenti. Depa paksa saya suruh buat. Depa tak mau saya *retire* [bersara].

NAS: Faham.

HMS: Depa nak saya.

NAS: Maksudnya? Mungkin itu salah satu semangat untuk teruskan jugak.

HMS: Ha, semangat untuk kita nak kerja lagi.

NAS: Sebab ada permintaan kan?

HMS: Ha permintaan.

NZA: Jadi, encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] tak pernah rasa terpaksa pun untuk buat-- (isyarat tangan)?

NAS: Untuk teruskan --?

HMS: Ha, teruskan. Takdak apa pun. Lagipun saya dari kecil memang takdak lain apa nak buat. Kalau takdak buat songkok ni, duduk di rumah saja.

NAS: Maksudnya masa -- encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] muda kecil dulu, bila macam ayah [Mohd Shariff] encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] suruh teruskan suruh buat songkok ni kan, rasa terpaksa ke rasa okey je?

HMS: Dak --. Masa mula -- tu tak puas hati. Sebab mula -- tu saya nak pi kerja jugak. Pi mintak -- kerja, pi *interview* [temu duga] semua pi. Tapi tak dapat. Kalau dapat pun bapak [Mohd Shariff] saya tak bagi pi.

NAS: Tak bagi kan.

HMS: Ha tak bagi.

NAS: Mungkin encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] salah sorang waris kepada warisan ni?

HMS: Ya -- Lagipun takdak orang tolong dia. Lain adik abang saya semua depa pelajaran tinggi --.

NAS: Okey. Kita teruskan kepada soalan cabaran. Apakah cabaran yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] lalui sepanjang menguruskan mengusahakan bidang songkok ini?

HMS: Apa ni kira *sale* [jualan] dia tu makin lama makin kurang. Itu saja. Itu saya pun takut dekat dia [Abdul Kader bin Mohammad Bener] boleh tahan dak. Pasai dia belajar dulu saya tak belajar tinggi. Saya *living* [hidup] saya kira dulu saya belajar takdak *luxury life* [kehidupan mewah]. Saya *simple life* [kehidupan sederhana] saja. Apa yang dapat cukup untuk saya. Saya *follow* [ikut] saja.

NAS: Untuk mencari rezeki.

HMS: Pelajaran anak nak jaga anak bini elok --. Itu saja. Jaga depa dengan elok cukup. Tak payah duit banyak pun tak guna jugak.

NAS: Ha betul.

NZA: Janji kita gembira.

HMS: Ha gembira.

NZA: Bahagia. Janji anak kita sihat.

NAS: Untuk sihat, berjaya.

HMS: Ha jadi kita pun takdak apa. Depa berjaya okey, cukup. Kita duk macam ni cukup dah.

NAS: Bila mereka dah berjaya, mereka teruskan dengan hidup mereka.

HMS: Ha hidup mereka, ya.

NAS: Okey. Apakah cara terbaik untuk encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] tangani masalah itu? Masalah *sales* [jualan] kurang tu--

NZA: Kurang.

HMS: Tu pasai buat lain -- jenis songkok.

NAS: Ha, lain -- jenis songkok.

NZA: *Online* [atas talian].

HMS: Masuk *online business* [perniagaan atas talian]. Ha ya tu, saya nak galak mungkin untuk dia [Abdul Kader bin Mohammad Bener] Untuk saya, saya boleh *rest* [rehat] duduk di rumah saja. Tak payah tak perlu saya kerja.

NZA: (batuk).

NAS: Maksudnya yang banyak urus perniagaan atas talian ni, Encik Abdul Kader? (sambil menunjukkan Abdul Kader bin Mohammad Bener).

HMS: Ya --. *Phone* [telefon] tu (berfikir) pun saya tak tau guna.

NAS & NZA: (ketawa kecil)

HMS: Tapi, saya guna *phone line* [talian] saja. Jadi dia pandai guna. Jadi dia. Kembangkan *skill* [kemahiran] *business* [perniagaan] untuk dia. Pasai depa ni tak duduk tak boleh

hidup cara depa hidup tak boleh macam saya hidup dulu. Depa mau kereta, depa mau rumah, depa mau tuisyen.

NAS: Zaman dah berbeza.

NZA: Zaman dah berubah.

HMS: Dulu anak saya semua tak pi tuisyen depa. Saya hantaq depa sekolah pun dengan *bicycle carry* [membawa basikal] (isyarat kayuh tangan) saja.

NZA: Berbeza kan dulu.

HMS: Ha --, dulu saya *carry* [bawa] depa. Saya jalan kaki pi sekolah. Tak boleh macam tu. Jadi masa ni tak boleh.

NAS: Betul. Jadi macam mana pun Encik Abdul Kader kena kembangkan lagi kan?

HMS: Ha -- ya. Kembangkan. Luaskan.

NZA: Fikir strategi.

HMS: Ha ya. Dia kena pikiaq. So dia buat *online business* [perniagaan atas talian] dia *order* [tempahan] baldu – dari China mai kita buat. Jadi, *that's why* [sebab itu] unik tak boleh dapat lain tempat.

NAS: Mungkin itu salah satu keistimewaan pekerja di sini macam Encik Abdul Kader masih muda kan.

HMS: Ha ya muda lagi.

NAS: Jadi, dia pandai guna teknologi zaman kini.

HMS: Ha dia pandai *online business* [perniagaan atas talian] dengan *online handphone* [telefon bimbit atas talian]. Dia pandai guna Internet semua.

NAS: Seperti yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] ketahui, dunia kini telah dilanda oleh pandemik COVID-19 [Coronavirus Disease 2019]. Jadi, apakah cabaran yang dihadapi oleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sewaktu pandemik ini masih aktif?

HMS: Masih aktif (berfikir). Depa tak -- beli masa COVID-19 [Coronavirus Disease 2019] *first* [pertama] tu kan yang mola -- tu sat PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] tu tak boleh mai kedai. Duduk di rumah tapi kerajaan depa bagi tiga ribu [3000] ringgit [matawang Malaysia].

NAS: Kerajaan bantu.

HMS: Ha pasai kita tutup kedai. Satu [1] -- kedai depa bagi tiga ribu [3000] ringgit [matawang Malaysia]. Jadi, duit tu boleh bantu sikit masa tu.

NAS: Tiga ribu [3000] tu sebulan?

HMS: Dak, semua tu.

NZA: Sekali dapat.

HMS: Sekali dapat --. Untuk peniaga kecil semua depa bagi. Tapi depa ok, depa bagi. Depa tolong jugak kerajaan pun tolong banyak jugak.

NZA: Duit tu dapat membantu kita masa pandemik [Coronavirus Disease 2019].

NAS: Makan kan untuk sara hidup.

HMS: Ya --

NAS: Okey. Sepanjang menguasai perniagaan songkok, apakah isu yang sering ber -- dikaitkan dengan perniagaan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Nak kata isu takdak.

NZA: Sebab songkok hanya encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] je yang mengusahakan songkok di Pulau Pinang [Malaysia]. So [Jadi], tak -- ada ni tak ada \ isu?

HMS: Ha -- takdak -- *competition* [persaingan].

NAS & NZA: Ha tak ada *competition* [persaingan].

HMS: *Competition* [persaingan] pun macam saya pasaipa tak boleh ada *competition* [persaingan] pasai saya juai morah. Saya buat elok. Ada orang lain nak mai cabar saya tak boleh.

NZA: Satu [1] lagi encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sorang saja di Pulau Pinang [Malaysia].

HMS: Pulau Pinang [Malaysia].

NAS: Mungkin --

HMS: Kalau sorang kalau saya juai harga mahal--

NZA: Mungkin orang takkan beli.

HMS: Ha mereka tak akan beli. Ha pasai - tu.

NAS: Mungkin untuk isu pernah ke macam pembuat songkok di negeri lain yang cuba bertanding cuba macam buruk-burukkan.

HMS: Ada -- depa ada kawan -- saya buat songkok tapi depa suruh naikkan harga songkok tinggi. Ha depa pasaipa depa kata juai morah sangat. Naikkan songkok harga naik.

NZA: Encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] naikkan tak harga tu?

HMS: Saya kata patut cukup. Saya pun takdak hati ambik duit orang banyak sangat pun tak ni tak puas hati. Kata cukup. Kita boleh makan cukup.

NAS: Cukup dengan usaha.

HMS: Ha cukup untuk saya. Tak payah mewah.

NAS: Tak payah tinggi --.

HMS: Tak payah hidup mewah.

NZA: Ha betul.

HMS: Tapi depa marah kat saya.

NZA: Takpa lain orang lain kan?

HMS: Ha ya --.

NAS: Lain orang lain cara perniagaan.

HMS: Ha ya --.

NZA: Okey. Sepanjang pengalaman encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] menceburi bidang ini, apakah sumbangan terbesar yang pernah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] sumbang kepada masyarakat?

HMS: Takdak apa. Nak kata sumbang tu, takdak apa.

NAS: Mungkin dari segi sumbangan tentang pemakaian songkok mengalakkan lagi pemakaian songkok?

HMS: Ha sebab apa songkok tu pasai tu saya juai harga murah.

NAS: Ha betul --. Itu salah satu sumbangan jugak.

HMS: Ha tu. Pasai tu saya mengalakkan orang banyak orang pakai songkok tu dengan harga murah mungkin banyak orang akan beli (isyarat tangan).

NAS: Ha betul!

NZA: Okey. Apakah usaha yang dilakukan oleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] untuk mempromosikan songkok buatan tangan ini kepada masyarakat luar?

HMS: Masyarakat luar?

NAS: Ha usaha yang dilakukan oleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] untuk mempromosikan lagi songkok ini.

HMS: Promosi lagi tak saya tak promosi pun. Ada orang -- beli p dari saya. Depa masuk Facebook [aplikasi], Instagram [aplikasi] depa kata kedai [OSM Mohd Shariff] mamak ni elok songkok, murah. Depa galakan kawan -- depa suruh beli. Saya tak payah buat tapi masuk Facebook [aplikasi] Internet semua perkataan -- songkok naik kedai [OSM Mohd Shariff] saya terus.

NAS: Betul --. Maksudnya bukan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] yang mempromosikan --

HMS: Ha bukan promosi.

NAS: Tapi orang lain.

HMS: Orang yang *customer* [pelanggan] saya depa *promotion* [promosi]. Depa tangkap gambar dengan saya. Depa masuk, depa beli, depa tangkap gambar dengan saya.

NZA: Pelanggan yang promosikan.

HMS: Ha pelanggan tu. Depa puas hati depa promote bagi. TV3 [rancangan televisyen], TV1 [rancangan televisyen], Astro Awani [rancangan televisyen].

NAS: Masuk.

HMS: Ha depa masuk depa *promote* [promosi] lagi. Nama saya pun dah keluaq. Semua depa buat.

NAS: Ada muka encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] dalam TV [Televisyen] tu? Ada muka? Encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] masuk TV [Televisyen].

HMS: Ha ya --.

NZA: Okey. Melalui pencarian kami mengenai encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] di aplikasi YouTube, adakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] yakin video – encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] yang (berfikir) video – encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] yang disiarkan di aplikasi tersebut dapat membantu untuk mempromosikan lagi warisan songkok ini kepada masyarakat?

HMS: Ya betul --. Yang tu banyak orang sekarang dah guna. Boh ini songkok di Pulau Pinang [Malaysia] terus depa mai depan kedai ni. Kat kedai songkok depa mai tunjuk terus - depa mai tunjuk kedai ni.

NZA: Saya sendiri pun dapat makluman tentang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] di YouTube [aplikasi].

NAS & NZA: Google [Enjin atas talian].

HMS: Di *google* [enjin atas talian].

NZA: Tulis saja songkok terus naik.

HMS: Ha terus naik. Itu bila *online* [atas talian] saya tak tau guna tu semua saya tak tau masuk. Orang yang tolong masuk.

NAS: Maksudnya bukan sahaja encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] yang mempromosikan perniagaan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff], malah siaran TV [Televisyen] --

HMS: Ha siaran TV [Televisyen], surat khabar.

NAS & NZA: Ha surat khabar.

HMS: TV [Televisyen], *Star papers* [surat khabar] (mengambil kotak) _____
_____.

NAS & NZA: (membelek kotak)

NZA: Ni kotak ni digunakan untuk ni?

HMS: Ha untuk simpan songkok. Ni menantu [Abdul Kader bin Mohammad Bener] saya saja *design* [reka bentuk]. Dia suruh *print* [cetak] yang ni.

NAS: Ha betul.

HMS: Ha ni *newspaper cutting* [keratan surat khabar].

NAS: Ni encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]? (sambil menunjukkan kotak).

HMS: Taun -- keluaq. Bulan puasa. (menyimpan kotak).

NAS: Jadi buat setakat sekarang, berapa ramaikah orang yang seperti kami ni datang menemubual encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff]?

HMS: Ha ada banyak -- Ada bebe -- pelajar -- Universiti Sains Pulau Pinang [Malaysia] depa mai buat projek -- banyak depa buat. Depa mai jait pun buat projek.

NAS: Buat -- terus?

HMS: Ha buat terus.

NZA: Berapa lama depa ambil masa?

HMS: Depa ambik masa dalam setengah jam [30 minit] macam tu saja.

NAS: Belajar asas ja?

HMS: Ha asas saja. Ni kira depa nak buat satu projek, depa kena hantaq.

NAS: Faham.

HMS: Banyak universiti banyak depa mai.

NAS: Jadi maksudnya ramai pelajar kalangan pelajar?

HMS: Pelajar, ya --.

NZA: Adakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] mempunyai bahan terbitan kursus dalam bidang songkok ini yang mampu menyumbang kepada Warisan Seni Negara? Bahan terbitan kursus?

HMS: Bahan? Saya takdak apa.

NZA: Takdak apa.

NAS: Jadi kita akan teruskan dengan soalan terakhir mengenai harapan. Apakah harapan encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] kepada masyarakat dan negara mengenai kewujudan warisan songkok ini?

HMS: Tapi kerajaan pun galak. Kerajaan galak sekarang depa galak buat songkok ni macam kita belajar sekolah -- pakai songkok, _____, budak kolej, universiti. Depa kena sedia satu [1] songkok.

NAS: Betul --. Maksudnya macam hari tertentu kena pakai songkok.

HMS: Ha memang kena pakai. Budak -- sekolah tingkatan satu [1] pun depa nak masa depa nak masuk universiti, kolej ka apa ka depa kena ada satu [1] songkok.

NAS: Mungkin pada hari orientasi?

HMS: Pada hari jumaat depa kena pakai pakaian traditional. Jadi, *government* [kerajaan] galak. Jadi masa nak bukak sekolah, bukak kolej depa akan mai beli songkok. Jadi yang tu--

NAS: Pelajar -- semua?

HMS: Ha ya -- betul. Jadi masa tu depa kena bawak pi satu songkok.

NAS: Jadi--

HMS: _____ (gangguan bunyi persekitaran).

NAS: Jadi, lebih kepada kerajaan kan yang mengalakkan.

HMS: Ha yang mengalakkan guna songkok.

NAS: Apakah impian yang encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] ingin kecapikan sepanjang menguasai bidang pembuatan songkok?

HMS: Impian tu saya mau anak -- saya berjaya. Lepas itu saya okey. Saya mau anak kerja baik. Jadi, saya harap itu saja. Depa baguih --, sembahyang depa tak tinggai. Depa sekolah semua baguih. Itu saya syukur.

NAS: Lebih kepada pencapaian-pencapaian encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] lebih kepada anak -- kan?

HMS: Ha anak -- saya. Saya dah tua dah takdak apa dah. Bagi depa saja.

NAS: Okey. Adakah encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] berharap keluarga encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] akan mewarisi bidang pembuatan songkok ini?

HMS: Saya harap menantu [Abdul Kader bin Mohammad Bener] saya akan meneruskan perniagaan ini. Tapi dia pun nak jaga dua [2] anak perempuan. Dia ada anak perempuan. Anak dia pun kira cerdik --. Dia darjah tu depa dapat *number* [nombor] satu [1] *number* [nombor] dua [2] macam tu. Darjah empat [4] lima [5] saja. Tapi depa pandai. Mungkin dia kena jaga anak dia dengan baik.

NAS: Ha betul.

HMS: Dia tak boleh cari duit saja. Anak pun kena jaga.

NAS: Untuk masa depan dia kan.

HMS: Ha ya --.

NAS: Okey.

HMS: Tapi semua anak dia pandai jaga. Semua cemerlang – dia dapat.

NAS: Mungkin itu satu pencapaian untuk Encik Abdul Kader.

HMS: (ketawa kecil) ya --

NAS & NZA: (berbincang).

NAS: Okey, sekejap ye.

NZA: Sekejap ye cik. (mengambil barang di dalam kereta).

HMS: Ya baik --.

NAS: Sebagai penghargaan daripada pihak kami, saya dan Zulaikha (menghulurkan hadiah), kami ingin memberikan sedikit cenderahati kecil-kecilan kepada encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff].

HMS: Tak payah. Selalu saya tak terima.

NAS: Memang untuk encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] pun. Banyak ni (ketawa kecil).

NZA: Takpa cik.

HMS: Baik --. Saya tak harap semua ni. Orang bagi duit pun saya tak ambik (senyum).

NAS: (isyarat tangan) Okey. Terima kasih encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] –

HMS: Ha baik -- sama --.

NAS: kerana sudi bekerjasama dengan pihak kami bagi menyempurnakan tugas yang diberikan kepada kami mengenai sejarah lisan. Kami amat berbesar hati dan bersyukur kerana diterima oleh encik [Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff] untuk ditemu bual. Jadi, kami dapat mendalami dengan lebih dalam lagi tentang \ buatan songkok OSM Mohd Shariff.

HMS: Ya baik. Terima kasih adik.

NAS: Sama --.

Dengan ini tamatlah sesi temu bual sejarah lisan sesi kedua mengenai bidang pembuatan songkok bersama Encik Haja Mohideen. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Sekian terima kasih. Adalah diharapkan dengan hasil temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pembuatan songkok para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG TEMU BUAL

6.0 LOG TEMU BUAL

SESI 1

LOG	TOPIK	HURAIAN
01:18 – 03:11	Latar Belakang Diri Tokoh	<ul style="list-style-type: none">• Nama tokoh Haja Mohideen Bin OSM Mohd Shariff• Dilahirkan pada 02-03-1948• Dilahirkan di India• Kini menetap di Pulau Pinang• Bersekolah di Sekolah Kebangsaan Wellesley, Pulau Pinang
04:41 – 05:05	Latar Belakang Keluarga	<ul style="list-style-type: none">• Nama ibu: Hussein Jamilah binti Abdul Kadel• Nama ayah: OSM Mohd Shariff• Mempunyai 3 adik-beradik di India dan 7 adik-beradik di Malaysia
07:17 – 07:43	Perkahwinan	<ul style="list-style-type: none">• Nama isteri: Malika Bener binti Kassim Muhammad• Berkahwin pada tahun 1973• Mempunyai 2 orang anak, lelaki dan perempuan
09:38 – 10:38	Soalan Umum	<ul style="list-style-type: none">• Melibatkan diri dengan galakan daripada ayahnya• Mempelajari dan mendalami bidang songkok ini menerusi ayahnya

15:35	Latar Belakang Songkok	<ul style="list-style-type: none"> • Pemakaian songkok bermula daripada Indonesia.
19:36 – 20:12	Latar Belakang OSM Mohd Shariff	<ul style="list-style-type: none"> • Terletak di 157 Lebuhr King, Pulau Pinang. • Beroperasi pada jam 10.00 pagi sehingga 21.00 malam.
22:18 – 27:50	Reka Bentuk/ Peralatan Songkok	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan asas ialah surat khabar, karbon, kain satin, baldu, benang dan plastik. • Jenis fabrik ialah baldu dan satin. • Harga sebiji songkok bermula daripada RM 20.00 – RM 55.00.
38:29 – 43:45	Langkah Penghasilan dan Penjagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil masa 2 jam untuk menyiapkan sebiji songkok. • Elakkan daripada terkena air, sabun atau asid.

SESI DUA

01:08	Langkah Penghasilan dan Penjagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai 10 langkah.
45:10 – 47:59	Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai seorang pembantu iaitu menantunya, Abdul Kader. • Mahir menggunakan mesin dan mempunyai kesabaran yang tinggi.
52:40	Kursus	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil masa sebulan untuk mahir jika mempunyai pengetahuan asas.
53:31	Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> • Dianugerahkan Living Heritage Pulau Pinang.
01:03:08	Pengalaman	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah menghasilkan songkok untuk Perdana Menteri, Yang Berhormat.
01:07:05 – 01:08:05	Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> • Jualan semakin kurang sewaktu pandemik Covid-19. • Luaskan pasaran dengan mempelbagaikan jenis songkok dan menceburi bidang jualan di atas talian.
01:19:25	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> • Berharap menantunya mewarisi bidang songkok ini.

RALAT

7.0 RALAT

Sesi temu bual bersama tokoh pilihan kami iaitu Encik Haja Mohideen Bin OSM Mohd Shariff terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat dielakkan. Namun hal yang demikian, sesi temu bual ini berjalan dengan lancar dan baik dengan izin tuhan. Antara faktor gangguan yang tidak dapat dielakkan adalah kami menjalankan sesi temu bual ini menerusi bersemuka bertempat di Kedai OSM Mohd Shariff di Pulau Pinang. Di sini, kami menyenaraikan beberapa gangguan bunyi yang terjadi ketika sesi temu bual sedang dijalankan:

- Gangguan bunyi tarikan pita jual
- Gangguan bunyi persekitaran
- Gangguan bunyi motosikal
- Gangguan bunyi hon
- Gangguan bunyi kenderaan
- Gangguan bunyi kereta
- Gangguan bunyi sekeliling
- Gangguan bunyi menarik pintu garaj
- Gangguan bunyi tarikan pita jual
- Gangguan bunyi bas
- Gangguan orang ketiga

Walaupun sesi temu bual ini terdapat beberapa kekangan disebabkan gangguan ini, tetapi sesi temu bual ini dapat dilaksanakan dengan baik. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Haja Mohideen Bin OSM Mohd Shariff kerana sudi ditemu bual dan sudi bekerjasama dengan kami untuk menyempurnakan sesi temu bual ini.

GLOSARI

8.0 GLOSARI

Boria Pulau Pinang	Sejenis kesenian tradisional di kalangan orang Melayu Pulau Pinang yang berupa lakonan dan diikuti dengan nyanyian yang diiringi tarian berkumpulan.
Songkok Bulu Kambing	Sejenis songkok yang menggunakan jenis kain bulu kambing sebagai alas utama kepada songkok tersebut.
Tarbus	Sejenis kopiah yang tinggi dan diberi berjambul. Ia juga dikenali sebagai topi merah yang tinggi tanpa tepi dengan rambu-rambu berwarna-warni daripada sutera atau wul.
Hari Raya Aidilfitri	Merupakan hari besar bagi umat Islam yang dirayakan pada 1 Syawal setiap tahun Hijrah (setelah berakhir puasa selama sebulan), hari raya puasa.
Living Heritage	Sebuah anugerah yang diberi kepada tokoh warisan yang tinggal di Pulau Pinang dan sudah berumur 50 dan ke atas.
COVID-19	Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MERS-CoV).

PKP

Sebuah prosedur operasi standard yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan untuk menangani penularan pandemik COVID-19.

Hari Warisan Pulau Pinang Merupakan cuti umum di negeri Pulau Pinang bagi menyambut Hari Warisan Dunia.

INDEKS

9.0 INDEKS

A

Adik-beradik	27, 28, 84, 116, 129, 131
Agama Islam	35, 37, 120, 133
Amerika.....	37
Anak.....	29, 31, 114, 129, 132
Anugerah.....	90, 91, 93, 120, 129, 136, 137
Arab Saudi	37

B

Bahan	3, 15, 19, 42, 44, 61, 72, 76, 112, 134, 135, 138, 144
Bakat	34, 133
Bakteria	62
Baldu	14, 35, 42, 43, 57, 59, 63, 69, 77, 105, 117
Bapak	25, 26, 27, 28, 29, 32, 33, 41, 54, 78, 81, 89, 98, 102
Bulu kambing.....	35, 42, 72, 73, 74, 86, 120, 134

C

Cabaran	4, 20, 102, 105, 137, 138
Cara	15, 18, 19, 20, 59, 62, 88, 103, 104, 108, 135, 136, 137, 141, 142, 143
Corak.....	44, 51, 52, 53, 63, 134, 135
Cuti.....	27, 39, 40, 44, 95, 121, 134

G

Gaji.....	85, 136
Georgetown World Heritage Incorporate	91

H

Haja Mohideen bin OSM Mohd Shariff	24
Harapan	112, 139
Harga.....	49, 56, 117

I

Ibu kedua.....	25, 27, 28
India	13, 14, 22, 23, 24, 25, 27, 29, 32, 72, 84, 116, 120, 129, 131

Indonesia.....	21, 22, 36, 117
Inspirasi.....	33, 35
Insurans.....	93
Isteri.....	30, 31, 32, 116, 132

J

Jahit.....	42, 47, 51, 52, 53, 59, 63, 68, 69, 77, 79, 80, 81, 89, 111
Jahitan.....	73, 74, 76, 77, 80, 90

K

Kadbod.....	43, 68, 76, 77, 78, 79
Kapal layar.....	25
Kaum Melayu.....	35, 133
Kebudayaan.....	35
Keluarga.....	5, 32, 34, 84, 113, 120, 133, 139
Kerajaan.....	98, 105, 112
Kereta api.....	88
Keunikan.....	20, 34, 75, 133
Kualiti.....	47, 49, 59, 61, 78, 86, 135

L

Larangan.....	59
Latar belakang diri.....	24
Latar belakang keluarga.....	27
Lazada.....	72, 86, 87, 129, 136

M

Majlis.....	65
Mak.....	25, 27, 32, 84
Malaysia.....	6, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 22, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 34, 39, 40, 41, 43, 45, 46, 48, 49, 50, 53, 70, 71, 72, 74, 78, 82, 84, 91, 92, 94, 95, 99, 105, 106, 107, 110, 111, 116, 126, 132
Masyarakat.....	4, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 22, 23, 37, 108, 109, 110, 112, 133, 138, 139
Menetap.....	25, 28, 29, 116, 131, 132
Merdeka.....	25
Mesin.....	14, 53, 54, 64, 70, 76, 79, 81, 89, 90, 118
Minyak kelapa.....	70
Mohd Shariff.....	5, 7, 13, 14, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 32, 33, 34, 35, 38, 39, 40, 41, 54, 68, 78, 81, 85, 89, 98, 102, 109, 115, 116, 117, 119, 129, 134, 136, 142, 144
Musim perayaan.....	86, 97, 136

P

Pakar	15, 55, 73, 135
Pangkat.....	28, 47, 49, 134
Pasaran	86, 118
Pekerjaan.....	81
Pelabuhan Madras.....	25
Pelan.....	49, 68, 69, 71
Pemakaian.....	4, 16, 19, 21, 22, 33, 34, 35, 36, 108, 133, 138
Pendemik.....	106
Pengalaman.....	4, 5, 15, 24, 26, 49, 55, 67, 81, 89, 98, 99, 101, 108, 131, 135, 137, 138
Peralatan.....	42, 71, 76
Perjalanan.....	25, 131
Perkahwinan.....	30, 86
Persaingan	106
Plastik.....	42, 63, 66, 68, 70, 117
Promosi	109
Pulau Pinang	25

R

Raja	22, 48, 49
Reka bentuk	22, 23, 42, 47, 134
Renovation	39

S

Sejarah.....	4, 15, 16, 17, 24, 36, 66, 67, 115, 133, 140
Sekolah malam.....	26, 131
Senior Cambridge	82
Shopee.....	72, 86, 87, 129, 136
Simbolik.....	33
Singapore	88
Strategi	20, 105
Sumbangan.....	108, 138
Surat khabar	51

T

Tarbus	21, 42, 43, 86, 88
Tarikh lahir.....	24, 131
Teknologi	15, 17, 89, 105
Tokoh	4, 5, 14, 15, 24, 33, 67, 116, 119, 120, 132, 140, 141, 142

Tourist.....	37, 38
Turki.....	22, 37

U

Ukuran.....	45, 77
Umur.....	25, 30, 31, 73, 81, 83, 132
Uzbekistan.....	37

W

Waktu beroperasi.....	40, 134
Warisan Seni Negara.....	112, 138
Warisan songkok.....	4, 16, 32, 33, 34, 110, 112, 132, 133, 139, 141
Wellesley Primary School.....	26, 27

Z

Zaman persekolahan.....	26, 131
-------------------------	---------

BIBLIOGRAFI

10.0 BIBLIOGRAFI

- Apa itu Coronavirus. (n.d.). Retrieved from Majlis Agama Islam Melaka:
<https://maim.gov.my/index.php/my/pengumuman/1220-coronavirus>
- Asril & Asyraf Enterprise – Songkok Malaysia (2013). Jenis-jenis songkok. Retrieved from
<https://www.facebook.com/255513237854803/posts/jenis-jenis-songkoksongkok-mempunyai-jenis-jenisnya-tersendiri-merangkumi-keguna/515045425234915/>
- Bacaan, B. (2012). PEMBENTUKAN JATI DIRI KANAK-KANAK MELALUI BAHAN BACAAN BAHASA MALAYSIA (Children's Identity Development Via Malay Reading Materials). *Jurnal Hadhari*, 4(1), 77–102.
- Brock-Utne, B. (1996). Reliability and validity in qualitative research within education in Africa. *International Review of Education*, 42(6), 605–621.
<https://doi.org/10.1007/BF00601405>
- Carian Umum. (n.d.). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=boria&d=175768&>
- Carian Umum. (n.d.). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tarbus&d=243192&>
- Carian Umum. (n.d.). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=aidilfitri>.
- Har, F. (2014, May 31). *Definisi Sejarah Lisan*. Retrieved from
<https://www.slideshare.net/ctfironika/182764707-notasjh3104sejarahlisandanpendokumentasianbab1docx>
- Ibrahim, M. Y. (2009). In *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Analisis Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 1–14. *Jurnal PPM Vol. 6, 2012. 6*, 63–76.
- Kahn, D. S. M., Shamsuddin, E. E., & Abdullah, D. N. N. (2011). Mendepani Seni Warisan dan Kreatif Dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 1–17.
<https://pdfs.semanticscholar.org/a55b/49241e2978a313863b382fb7a6a55d0a6928.pdf>
- Kepentingan Sumber Lisan*. (2013, November 01). Retrieved from
<http://tuhaulomiding.blogspot.com/2013/11/sjh-3104-sejarah-lisan-kepentingan.html?m=1>
- Melayu, J. (2011). Akta warisan kebangsaan, 2005: tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu*, 8(8), 173–188. National Heritage Act, 2005: A Review. *Jurnal Melayu*, 8.
- Pengenalan*. (n.d.). Retrieved from <https://www.coursehero.com/file/34784460/ASSIGNMENT-AIL1005-sejarah-lisandocx/>

- Putri, I. R. (2018). *Perancangan pusat kerajinan Songkok dan Sarung Tenun di Kampung Kemasan Gresik Dengan Pendekatan Retrofitting* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).
- Rahman. (n.d.). Haja Mohidin pembuat songkok tradisional. Retrieved from <http://www.beritakampus.usm.my/index.php/berita/laporan-khas/1685-haja-mohidin-pembuat-songkok-tradisional>
- Roudhah, S., Saad, M., Banu, R., Mohamad, J., Ramlah, C., Jaafar, C., & Wan, A. (2012).
- Rusydi, I. (1970). Bermula dengan isu songkok. Retrieved from <http://ibnurusydi.blogspot.com/2011/04/bermula-dengan-songkok.html>
- Sejarah Lisan. (2007). Retrieved from Pusat Kajian Sejarah Lisan: <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>
- Shariff, H. M. (2021, Mei 27). Warisan Songkok Pulau Pinang. (N. Z. Shukri, Interviewer)
- Shima, N. (2019, 11 07). *Sejarah Lisan dan Kepentingannya*. Retrieved from <https://permasupsi.wixsite.com/permasupsi/post/sejarah-lisan-dan-kepentingannya>
- Songkok - Definisi songkok dalam kamus melayu. (n.d.). Retrieved from <https://educalingo.com/ms/dic-ms/songkok/>
- SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). (2021, Jun 14). Retrieved from Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp>
- Yusoff, Y. M., & Dollah, H. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu

LAMPIRAN

11.0 LAMPIRAN

11.1 Biografi Tokoh



PROFIL

Seorang pengiat dan pembuat songkok tersohor di Pulau Pinang bermula dari usia muda 12 tahun. Seorang yang sabar dan tabah dalam meneruskan warisan turun-temurun ini.

RANGKAIAN SOSIAL

Facebook: Kdai Songkok

OSM Mohd

Shariff

Shopee: OSM Mohd Shariff

Lazada: OSM Mohd Shariff

HAJA MOHIDEEN BIN MOHD SHARIFF

MAKLUMAT PERIBADI

Umur : 73 tahun
Tarikh Lahir : 02 Mac 1948
Tempat Lahir : India
Anak : Anak yang ke-3
Alamat : 157, Lebuhr King, George Town, 10200
George Town, Pulau Pinang.
No Telefon : 016-4310940

PENDIDIKAN

Sekolah Rendah : Sekolah Kebangsaan Wellesley,
Pulau Pinang
Sekolah Menengah : Melanjutkan pelajaran di sekolah
menengah bermula tingkatan 1
hingga 5

PEKERJAAN

Bidang : Warisan Songkok
Pencapaian : Mendapat anugerah Living Heritage
Pulau Pinang
Pengalaman : Pernah menghasilkan songkok untuk
Perdana Menteri, Yang Berhormat.

11.2 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya HAJA M. HIDEEN K/P: MS0302215059 pada
27-5-2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Haja
HAJA M. HIDEEN
Nama peserta kajian:

Tarikh:

27/5/21

.....
Pensyarah:
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA.

11.3 Senarai Soalan

Draf Soalan

Topik: Sejarah Warisan Songkok

A. SOALAN ORIENTASI

1.0 LATAR BELAKANG DIRI TOKOH

- 1) Apakah nama penuh encik?
- 2) Bilakah tarikh lahir encik?
- 3) Dimanakah encik dilahirkan?
- 4) Bolehkah encik cerita sedikit bagaimana perjalanan daripada India ke Pulau Pinang?
- 5) Dimanakah encik menetap sekarang?
- 6) Ceritakan sedikit pengalaman zaman persekolahan encik sehingga kini?
- 7) Sekolah malam daripada pukul berapa sampai pukul berapa?
- 8) Dimanakah terletak sekolah malam itu?
- 9) Dimanakah terletak sekolah menengah encik?
- 10) Waktu persekolahan encik bermula daripada pukul berapa?

2.0 LATAR BELAKANG KELUARGA

- 1) Apakah nama ibu dan ayah encik?
- 2) Berapakah bilangan adik-beradik encik?
- 3) Adakah adik-beradik encik menetap di Pulau Pinang?
- 4) Adakah encik selalu berjumpa dengan adik-beradik encik?

- 5) Dalam bilangan adik-beradik encik, terdapat berapa orang anak lelaki dan anak perempuan?
- 6) Bagaimana pula dengan adik-beradik encik di India?
- 7) Jantina adik encik lelaki atau perempuan?
- 8) Encik merupakan anak yang keberapa?
- 9) Dimanakah ibu dan ayah encik tinggal?
- 10) Adakah ibu dan ayah encik menetap di Malaysia?
- 11) Ibu dan ayah encik meninggal sewaktu umur berapa?
- 12) Sewaktu itu, berapakah umur encik?

3.0 PERKAHWINAN

- 1) Apakah nama isteri encik?
- 2) Sudah berapa lamakah encik berkahwin?
- 3) Encik mempunyai berapa orang anak?
- 4) Anak encik berumur berapa tahun?
- 5) Berapakah umur anak perempuan encik?
- 6) Apakah pekerjaan anak perempuan encik?
- 7) Bagaimanakah encik bertemu dengan isteri encik dan ceritakan sedikit kisah pertemuan?
- 8) Jadi, isteri encik mempunyai ikatan kekeluargaan dengan encik?

B. SOALAN UMUM

- 1) Mengapakah encik memilih untuk melibatkan diri dalam warisan songkok?
- 2) Bagaimanakah encik tahu tentang warisan songkok?

- 3) Siapakah yang menginspirasi encik untuk menceburi bidang ini?
- 4) Sebagai tokoh yang berpengalaman, apakah simbolik songkok dalam pandangan encik?
- 5) Pada pendapat encik, apakah keunikan warisan songkok?
- 6) Adakah bakat yang encik ada sekarang datang daripada ahli keluarga atau secara semula jadi?
- 7) Boleh encik cerita sedikit kisah pemindahan bakat itu?
- 8) Apakah yang mendorong minat encik menjadi seorang pembuat songkok?
- 9) Adakah inspirasi itu daripada ayah encik?
- 10) Pada pendapat encik, adakah pemakaian songkok masih relevan pada masa kini?
- 11) Adakah songkok hanya dipakai oleh kaum Melayu?
- 12) Boleh encik ceritakan lebih mendalam lagi mengenai pemakaian songkok oleh setiap kaum yang beragama Islam?
- 13) Pemakaian songkok ni lebih simbolik kepada agama Islam?

C. SOALAN KHUSUS

1.0 LATAR BELAKANG SONGKOK

- 1) Pada pandangan encik, apakah sejarah asal usul songkok?
- 2) Adakah songkok membawa sebarang maksud kepada si pemakai?
- 3) Bagi pendapat encik, adakah songkok ini diterima baik oleh masyarakat?
- 4) Seperti yang encik cakap, maksud songkok ni lebih kepada agama Islam, adakah encik pernah dapat pelanggan bukan beragama Islam?

2.0 LATAR BELAKANG OSM MOHD SHARIFF

- 1) Bilakah kedai OSM Mohd Shariff dibuka secara rasmi?
- 2) Adakah encik pernah membuat pengubahsuaian?
- 3) Dimanakah terletaknya kedai OSM Mohd Shariff?
- 4) Adakah kedai ini dibuka setiap hari ataupun mempunyai cuti pada hari tertentu?
- 5) Apakah waktu beroperasi bagi kedai OSM Mohd Shariff?
- 6) Memandangkan sekarang musim COVID-19, adakah kedai encik masih beroperasi seperti biasa?
- 7) Waktu beroperasi pada musim pandemik COVID-19 10 pagi sampai 8 malam sahaja?
- 8) Memandangkan encik telah lama menceburi dan mengusahakan pembuatan songkok ini, adakah encik menyewa atau membeli kedai ini?
- 9) Berapakah harga sewa kedai ini?

3.0 REKA BENTUK/ PERALATAN SONGKOK

- 1) Apakah bahan-bahan asas untuk menghasilkan songkok?
- 2) Adakah kain hitam tu adalah jenis satin ataupun dari pelbagai jenis?
- 3) Apakah jenis fabrik yang digunakan dalam menghasilkan songkok?
- 4) Adakah ianya mempunyai penggunaan bulu kambing untuk songkok?
- 5) Dari manakah encik mendapatkan bekalan fabrik yang mencukupi?
- 6) Adakah songkok buatan encik mempunyai perbezaan dari segi ketinggian, warna dan corak?
- 7) Berapakah harga yang ditawarkan bagi sebiji songkok?
- 8) Adakah songkok buatan encik mempunyai harga yang tetap ataupun mempunyai harga yang berlainan mengikut reka bentuk tertentu?

- 9) Apakah perbezaan setiap reka bentuk songkok bagi setiap pangkat atau keturunan diraja?
- 10) Berdasarkan pengalaman encik dalam menghasilkan songkok untuk orang kenamaan, adakah songkok mereka mempunyai perbezaan daripada songkok orang awam?
- 11) Adakah saiz paling tinggi itu menjadikan perbezaan di antara mereka dengan orang awam?

4.0 LANGKAH PENGHASILAN DAN PENJAGAAN SONGKOK

- 1) Apakah langkah-langkah untuk menghasilkan songkok?
- 2) Bolehkah encik ceritakan langkah tersebut?
- 3) Berapakah ukuran inci untuk songkok ini?
- 4) Adakah corak ini memberikan maksud tertentu ataupun hanya sekadar corak?
- 5) Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan sebiji songkok?
- 6) Jadi, encik yang pakar pun mengambil masa dua jam untuk siapkan sebiji songkok, mungkin orang yang baru pelajari dalam bidang ini akan mengambil masa yang lebih banyak bukan?
- 7) Berapakah biji songkok yang dapat dihasilkan dalam masa sehari?
- 8) Apakah cara terbaik untuk menjaga kualiti dan rupa songkok?
- 9) Adakah songkok mempunyai cara basuhan yang tersendiri?
- 10) Adakah terdapat sebarang bahan yang perlu dielakkan daripada terkena songkok bagi mengekalkan kualiti dan rupa songkok tersebut?
- 11) Bagi pendapat encik, adakah songkok boleh dilipat?

5.0 PEKERJAAN

- 1) Bolehkah encik menceritakan sedikit pengalaman permulaan pekerjaan encik sebagai seorang pembuat songkok?

- 2) Adakah encik mempunyai pembantu dalam menghasilkan songkok ini?
- 3) Jadi, pekerja buat setakat ini dua orang saja iaitu encik dan menantu encik?
- 4) Apakah nama menantu encik?
- 5) Adakah pembantu encik mula bekerja di sini apabila beliau sudah berkahwin dengan anak encik?
- 6) Berapakah amaun gaji yang encik tawarkan kepada pekerja?
- 7) Siapakah yang menjaga bahagian akaun untuk perniagaan ini?
- 8) Sewaktu bukan musim perayaan, adakah encik turut menerima tempahan?
- 9) Sewaktu sebelum menggunakan aplikasi Lazada dan Shopee adakah tempahan dilakukan melalui WhatsApp sahaja?
- 10) Bagaimanakah pelanggan dari luar negara membuat tempahan?
- 11) Apakah ciri-ciri yang diperlukan untuk berkerja dengan kedai OSM Mohd Shariff?
- 12) Selain menghasilkan songkok, adakah encik mempunyai pekerjaan sampingan yang lain?

6.0 KURSUS

- 1) Adakah encik menyertai sebarang program ataupun kursus tertentu untuk mempelajari cara pembuatan songkok?
- 2) Berapa lamakah masa yang diambil untuk seseorang mahir dalam menguasai bidang penghasilan songkok ini?

7.0 PENCAPAIAN

- 1) Apakah anugerah yang pernah encik kecapai dalam bidang songkok?
- 2) Pada tahun bilakah encik menerima anugerah itu?

- 3) Siapakah yang memberi penganugerahan itu kepada encik?
- 4) Apakah perasaan encik apabila menerima anugerah tersebut
- 5) Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh encik?
- 6) Adakah itu salah satu bantuan daripada pihak itu?
- 7) Sehingga kini, berapakah jumlah pencapaian yang encik miliki?
- 8) Adakah setiap tahun encik akan menerima anugerah ini?
- 9) Mengikut anggaran encik, berapa banyakkah songkok yang telah terjual sejak dahulu hingga kini?
- 10) Adakah encik pernah melibatkan diri dalam mana-mana program atau festival?

8.0 PENGALAMAN

- 1) Seperti yang diceritakan oleh encik sebentar tadi tentang pengalaman encik dalam menghasilkan songkok kepada golongan kenamaan. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang pengalaman tersebut?
- 2) Apakah pengalaman indah encik sepanjang mengusahakan perniagaan songkok ini?
- 3) Apakah pengalaman buruk yang pernah dialami oleh encik?
- 4) Adakah encik pernah mengalami kecederaan sewaktu dalam proses menghasilkan songkok?
- 5) Berdasarkan pengalaman itu, adakah encik meneruskan perusahaan buatan songkok ni dengan penuh minat ataupun terpaksa?

9.0 CABARAN

- 1) Apakah cabaran yang encik lalui sepanjang menguruskan mengusahakan bidang songkok ini?
- 2) Apakah cara terbaik untuk encik tangani permasalahan itu?

- 3) Seperti yang encik ketahui, dunia kini telah dilanda oleh pandemik Covid-19. Jadi, apakah cabaran yang dihadapi oleh encik sewaktu pandemik ini masih aktif?
- 4) Sepanjang menguasai perniagaan songkok, apakah isu yang sering dikaitkan dengan perniagaan encik?

10.0 SUMBANGAN

- 1) Sepanjang pengalaman encik menceburi bidang ini, apakah sumbangan terbesar yang pernah encik sumbang kepada masyarakat?
- 2) Mungkin sumbangan encik dari segi sumbangan tentang pemakaian songkok mengalakkan lagi pemakaian songkok?
- 3) Apakah usaha yang dilakukan oleh encik untuk mempromosikan songkok buatan tangan ini kepada masyarakat luar?
- 4) Melalui pencarian kami mengenai encik di aplikasi YouTube, adakah encik yakin video-video encik yang disiarkan di aplikasi tersebut dapat membantu untuk mempromosikan lagi warisan songkok ini kepada masyarakat?
- 5) Jadi, bukan sahaja encik yang mempromosikan perniagaan encik, malah siaran TV juga turut mempromosikan perniagaan encik?
- 6) Berapa ramaikah orang yang seperti kami ini datang menemu bual encik?
- 7) Adakah encik mempunyai bahan terbitan kursus dalam bidang songkok ini yang mampu menyumbang kepada Warisan Seni Negara?

11.0 HARAPAN

- 1) Apakah harapan encik kepada masyarakat dan negara mengenai kewujudan warisan songkok ini?

- 2) Apakah impian yang encik ingin kecapai sepanjang mengusahakan bidang pembuatan songkok?
- 3) Adakah encik berharap keluarga encik akan mewarisi bidang pembuatan songkok ini?

11.4 Diari Penyelidikan

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
28 Mac 2021 Ahad	0800-1000 BK2	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah diberikan penerangan oleh pensyarah kami iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin tentang Sejarah Lisan. Beliau juga turut memberikan arahan kepada pelajar untuk mencari calon tokoh yang bersesuaian untuk ditemu bual. • Membuat pemilihan untuk melakukan tugas ini. • Kami sama-sama bersetuju untuk mencari dan menyiapkan tugas ini. • Tema yang diberikan adalah Kearifan Tempatan yang berkaitan dengan warisan seni, sejarah tempatan dan seni kebudayaan.
29 Mac 2021 Isnin	2100 SAB 124 C	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang mengenai pemilihan antara warisan seni Songket atau Songkok.
30 Mac 2021 Selasa	2100-2300 SAB 124 C	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari dan berkongsi maklumat carian di laman sesawang dan pelbagai aplikasi mengenai Songket dan Songkok sebelum membuat keputusan.
01 April 2021 Khamis	1300-1500 SAB 124 C	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah membuat penilaian terakhir dan memilih Warisan Seni Songkok sebagai tajuk tugas.

		<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah mencari maklumat di laman sesawang mengenai tokoh warisan songkok yang tersohor.
02 April 2021 Jumaat	0900 Ufuture	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat arahan untuk membuat latihan di Ufuture mengenai latar belakang tokoh yang dipilih untuk ditemu bual. • Kami telah berbincang untuk memilih Encik Haja Mohideen sebagai tokoh kerana beliau merupakan pembuat songkok tersohor di Pulau Pinang.
04 April 2021 Ahad	0800-1000 BK3	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin menerangkan dengan lebih mendalam bagaimana cara untuk menemu bual dan menunjukkan contoh transkrip semester lepas yang telah lengkap sebagai panduan. • Beliau juga menerangkan cara untuk membuat kertas kerja dan Kajian Literatur. • Kami juga telah menerima arahan untuk membuat kertas kerja dan Kajian Literatur mengenai tajuk yang telah dipilih.
11 April 2021 Ahad	0800-1000 BK3	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima arahan untuk merangka dan menyiapkan soalan temu bual. • Pencarian maklumat di laman sesawang telah bermula.
18 April 2021	2100	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dan merangka soalan temu bual.

Ahad	SAB 124 C	
20 April 2021 Selasa	1634 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi tokoh yang dipilih untuk mendapatkan persetujuan.
20 April 2021 Selasa	2000-0000 SAB 102 C	<ul style="list-style-type: none"> • Memulakan tugas bersama sama. • Kertas kerja perlu disiapkan dan dirujuk oleh pensyarah.
02 Mei 2021 Ahad	1000-1300 Bilik Pensyarah	<ul style="list-style-type: none"> • Kertas kerja yang sudah disiapkan telah dirujuk oleh pensyarah. • Pensyarah memberikan arahan kepada kami untuk membuat pembedahan kertas kerja.
02 Mei 2021 Ahad	0800-1000 DK3	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah telah menerangkan cara-cara untuk menulis transkrip.
02 Mei 2021 Ahad	2000-1200 SAB 120 C	<ul style="list-style-type: none"> • Mula melakukan pembedahan kertas kerja dan kajian literatur.
20 Mei 2021 Khamis	1348 WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah menghubungi tokoh untuk mendapatkan tarikh, waktu dan tempat yang sesuai untuk menemu bual tokoh.
26 Mei 2021 Rabu	2043 WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah menghubungi tokoh untuk memberi maklumat awal tentang kehadiran kami ke kedai beliau.
27 Mei 2021 Khamis	1430-1830	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah menjalankan sesi temu bual secara bersemuka dengan bantuan kamera dan

	Kedai OSM Mohd Shariff	telefon untuk merakam sesi temu bual tersebut.
28 Mei 2021 Jumaat	1300 Telegram	<ul style="list-style-type: none"> • Rakaman video telah dikongsi oleh Zulaikha.
6 Jun 2021 Ahad	0800-1000 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah telah menerangkan cara-cara untuk membuat log temu bual.
13 Jun 2021 Ahad	0800-1000 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah menunjukkan cara untuk menulis arkitel.
13 Jun 2021 Ahad	2100 Kediaman Aina	<ul style="list-style-type: none"> • Kami bersama-sama mula menyiapkan transkrip secara berperingkat.
18 Jun 2021 Jumaat	1200-1600 Kediaman Aina	<ul style="list-style-type: none"> • Kami menyiapkan transkrip dengan sepenuhnya sebelum di hantar kepada pensyarah.
27 Jun 2021 Ahad	0800-1000 Ufuture	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar transkrip menerusi atas talian kepada pensyarah.
1 Julai 2021 Khamis	0800-1000 Pejabat Pos	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar transkrip penuh dalam bentuk fizikal menerusi perkhidmatan kurier untuk dihantar kepada pensyarah.

11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan



Gambar 1: Bangunan Kedai Songkok OSM Mohd Shariff



Gambar 2: Encik Haja Mohideen bersama menantunya, Encik Abdul Kader



Gambar 3: Encik Haja Mohideen bersama kedua-dua penembual



Gambar 4: Sijil Penganuerahan Living Heritage



GEORGE TOWN
WORLD HERITAGE
INCORPORATED

George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) 491127-U
116 & 118, Lebuh Aceh, 10200 George Town,
Pulau Pinang, Malaysia
T: +604 261 6606 • F: +604 261 6605 • E: info@gtwhi.com.my
www.gtwhi.com.my



MALAYSIA & GEORGE TOWN
Historic Cities of
The Straits of Malacca

Rujukan Kami:GTWHI/CC/17/57
23 April 2021

Kedat Songkok O.S.M. Mohd Shariff
157, Lebuh King,
10200 George Town,
Pulau Pinang.
(C.P.: Encik Haja Mohideen Bin Osm Mohd Shariff)

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH GEORGE TOWN WORLD HERITAGE
INCORPORATED 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Sukacitanya dimaklumkan bahawa Panel Juri Pengiktirafan dan Anugerah George Town World Heritage Incorporated 2020 telah bersetuju memilih Kedat Songkok O.S.M. Mohd Shariff untuk diberikan Status Emas untuk Kategori Pengiktirafan Kesenambungan Budaya.
- George Town World Heritage Incorporated merakamkan ucapan tahniah dan syabas atas kejayaan tersebut dan berharap pihak tuan akan terus menyumbang kepada pemeliharaan Nilai-Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia George Town UNESCO.
- Sehubungan itu, pihak tuan adalah dijemput untuk menghadiri Majlis Penyampaian Anugerah yang dijadual berlangsung pada 7 Julai 2021. Memandangkan negeri kita masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pada masa ini, maklumat tambahan berkenaan majlis ini akan dimaklumkan kepada pihak tuan pada masa terdekat.
- Pihak George Town World Heritage Incorporated akan mengatitkan sesi gambar untuk pihak tuan pada bulan Mei 2021 untuk tujuan dokumentasi. Sila hubungi Cik Hidayah Jaafar (hidayah@gtwhi.com.my, 013-4568695) untuk maklumat lanjut berkenaan surat ini.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,


DR. ANG MING CHEE
Pengurus Besar
George Town World Heritage Incorporated
Tel: 016-4584909

PENANG
2030

Gambar 5: Surat Pengiktirafan dan Anugerah Encik Haja Mohideen